


Jilid 1  
Bil. 34



Hari Selasa  
11hb Disember, 1979

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA  
*SENATE*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3325]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1980 [Ruangan 3349]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- ” TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- ” TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- ” DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- ” DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. P.K.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- ” PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alais* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Selasa, 11hb Disember, 1979

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohmoud Salim bin Haji Mohamad.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya soalan saya nombor 1 dan 17 dijawab sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, jawab soalan nombor 1 sahaja dahulu.

PEMBATALAN TAMBANG  
PENERBANGAN BAKAL HAJI

**1. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan cara-cara pemotongan atau rampasan terhadap tambang penerbangan bakal haji.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan mengenakan potongan terhadap wang simpanan seseorang bakal haji itu dengan cara seperti berikut:

- (i) Apabila pembatalan berlaku setelah pendaftaran, wang pendahuluan sebanyak \$500, tidak akan dikembalikan;
- (ii) Apabila pembatalan dibuat dalam tempoh 2 hingga 10 hari sebelum tarikh penerbangan maka 50% dari harga tambang (chartered price) termasuk wang pendahuluan kecuali cukai-cukai, akan dipotong;

(iii) Apabila pembatalan dibuat dalam tempoh 48 jam sebelum tarikh penerbangan atau Bakal Haji tidak hadir pada hari dan masa yang ditetapkan, maka harga tambang penuh (full fare) termasuk wang pendahuluan kecuali cukai-cukai akan dipotong.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap dapat penjelasan yang lebih lanjut lagi daripada Yang Berhormat Menteri iaitu peraturan-peraturan yang disebutkan tadi itu adakah diberitahu kepada jemaah haji ataupun tidak.

Kedua, potongan-potongan ini baru dijalankan, sebelum daripada ini tidak dijalankan. Jadi potongan-potongan yang dibuat itu kalau sekiranya 48 jam dia membatalkan penerbangan itu maka potongan sepenuhnya akan dikenakan ke atas bakal-bakal haji itu. Ini satu perkara yang sangat serius pada pendapat saya. Macam manakah perkara ini boleh berlaku ke atas bakal-bakal haji sebagaimana saya katakan semalam, tidakkah pihak Menteri sedar mereka yang hendak pergi haji ini berjimat cermat mengumpulkan wangnya di dalam Tabung Haji tiba-tiba apakala dia berniat hendak pergi haji dia tidak dapat hendak pergi dengan sebab tidak cukup wang. Patutkah pihak Tabung Haji mengenakan kekerasan seumpama itu iaitu dikenakan potongan 50% kalau sekiranya dia report sebelum daripada 2 minggu ataupun potongan 100% kalau direport dalam masa 48 jam. Itulah masalahnya. Tidakkah perkara ini patut dirundingkan lagi, tidakkah patut perkara yang seumpama ini diberi pertimbangan yang sesungguhnya tidakkah pihak Yang Berhormat Menteri sedar iaitu menurut apa yang dinyatakan oleh Timbalan Pengarah Besar LUTH iaitu Tuan Haji Ahmad Yeop mengatakan pada tahun

ini sahaja 271 telah dipotong iaitu kebanyakannya potongan itu disebabkan mereka membatalkan penerbangan itu kerana tidak dapat hendak mengumpulkan \$4,000. Jadi di antara 271 orang itu kebanyakannya membatalkan penerbangannya kerana tidak cukup wang \$4,000 hendak pergi ke Mekah. Dia report hendak pergi ke Mekah. Dengan cadangan dia hendak berhutang dan sebagainya tetapi apakala sampai masanya dia tidak dapat, bukan dia berniat buruk tetapi berniat baik hendak pergi ke Mekah. Maka oleh sebab orang ini miskin dan uzur seperti ini patutkah dia dikenakan potongan sampai 50-100%.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya satu peraturan telah dibuat oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji mengenakan potong-memotong apabila pembatalan dibuat. Ini adalah semata-mata hendak mengelakkan daripada berlakunya kucar-kacir dalam urusan pentadbiran Lembaga Tabung Haji itu sendiri. Kalau ada sebab-sebab yang lain seperti kematian, banjir atau apa-apa sebab yang boleh menyebabkan bakal haji itu tidak dapat menunaikan fardu hajinya maka itu boleh diberitahu kepada pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan ini akan dipertimbangkan dan dijadikan wang itu sebagai deposit dahulu.

Masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya akan bawa perkara ini kepada perbincangan ahli-ahli Lembaga Urusan dan Tabung Haji atau Lembaga itu sendiri untuk kita mencari satu jalan yang boleh membereskan satu-satu perkara yang lebih baik.

Dan satu perkara lagi, bila seorang yang membayar deposit dengan niat hendak pergi Haji maka ini sudah termasuk dalam: innama akanalubiniat. Artinya kalau dia tidak pergi haji sekalipun, takdir dia mati tengah jalan iaitu dia mati sebelum sempat pergi haji, pahala haji itu sudah dapat. Masalah ini akan diambil perhatian.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Ahli Yang Berhormat boleh menimbangkan jikalau seorang bakal haji itu hendak ke Mekah sudah cukup simpanan akan tetapi dia meninggal sebelum tarikh

pelayaran, bolehkah LUTH atau Tabung Haji membayar balik penuh wangnya itu dengan tidak payah dipotong walau suatu senpun dengan sebab dia sudah meninggal.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi peraturan-peraturan telah dibuat oleh Lembaga Urusan Tabung Haji dan kalau timbul perkara yang serius mungkin pihak Lembaga Urusan Tabung Haji akan menimbangkan.

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang paling senang sekali bagi pihak Kerajaan ialah menimbangkan semula supaya wang-wang orang yang membatalkan pemergiannya ke haji ini tidak dirampas oleh Kerajaan atau dipotong oleh Kerajaan. Itu yang sebaik-baiknya untuk menyenangkan semua jumaah haji dan bagi makluman Kerajaan juga bagi orang-orang ramai yang hendak pergi ke luar negeri yang tidak pergi ke Mekah jarang sangat dibuat oleh agensi-agensi yang lain memotong atau merampas wang pendahuluan ini. Saya berharap langkah yang baik sekali dibuat oleh Kerajaan supaya wang ini tidak dirampas langsung, dihapuskan perkara ini.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi peraturan-peraturan telah dibuat oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk mengelakkan kucar-kacir dalam pentadbiran. Tetapi kalau ada masalah-masalah yang perlu ditimbangkan untuk membereskan dan untuk menyelesaikan masalah perkara bakal haji dengan Tabung Haji itu, ini boleh ditimbangkan.

## BECA (TRISHAW) DI KUALA LUMPUR

2. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilangan beca (trishaw) yang masih digunakan di Kuala Lumpur dan apakah nasib pemandu-pemandu tersebut pada masa hadapan.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan beca (trishaw) yang berlesen dan masih digunakan di Kuala Lumpur sehingga kini berjumlah sebanyak 187 buah. Sebenarnya pentadbiran Dewan Bandaraya mulai daripada tahun 1967 lagi telah memberhentikan pengeluaran lesen-lesen

baru. Antara lain, ianya disebabkan kewujudan beca-beca di sekitar Kuala Lumpur telah menjadi satu gangguan dan merupakan salah satu sebab yang mengakibatkan kesesakan lalulintas yang mana kini adalah satu masalah yang sedang dihadapi oleh Ibukota Kuala Lumpur.

Namun demikian, lesen-lesen yang lama yang sedia ada masih tetap diperbaharui dengan syarat lesen tersebut tidak dibenar dipindah milikan ataupun lesen tersebut dan dibatalkan jika pelesen yang berkenaan meninggal dunia, tidak meneruskan pekerjaan atas sebab-sebab kesihatan ataupun sebab-sebab lain yang menasabah. Langkah ini diambil supaya tidak menimbulkan kesulitan kepada pengayuh-pengayuh beca yang berkenaan bagi meneruskan mata pencarian mereka sesuai dengan keadaan dan masa sekarang.

Dalam keadaan begini adalah dijangkakan yang bilangan beca-beca yang berlesen di sekitar Kuala Lumpur akan berkurangan dari masa ke semasa.

#### PERMOHONAN PERMIT MASUK BERMASTAUTIN

3. Tuan Ismail bin Hashim (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa dalam bulan Ogos 1979, Jabatan Imigresen telah memproses 150,000 permohonan untuk bermastautin di negara ini; jika ya, nyatakan pecahan bilangan pemohon-pemohon laki-laki dan perempuan serta negeri asal masing-masing; dan
- (b) sama ada di antara pemohon-pemohon itu terdapat wanita luar negeri yang telah berkahwin dengan rakyat Malaysia.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Ogos 1979 Jabatan Imigresen telah memproses sebanyak 3,690 (bukan 150,000) permohonan permit masuk. Daripada jumlah itu sebanyak 3 permohonan telah diluluskan dan tiada permohonan yang ditolak dan selebihnya itu masih diproses dan dipertimbangkan lagi.

Pecahan bilangan pemohon-pemohon mengikut lelaki dan perempuan dan negara asal mereka adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Lelaki</i>	<i>Perempuan</i>
Singapura ...	381	2,323
Hongkong ...	1	33
Eropah ...	5	45
India ...	30	467
Pakistan ...	5	2
Sri Lanka ...	18	19
Taiwan ...	26	104
China ...	7	14
Australia ...	—	6
Indonesia ...	36	40
Filipina ...	7	10
Thailand ...	4	65

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan. Saya suka bertanya adakah di antara mereka yang masuk ke dalam negeri kita ini membawa isteri yang dilahirkan di negeri ini. Jadi apabila dilahirkan dalam negeri ini secara automatik dia menjadi rakyat negeri ini. Adakah di antara yang masuk itu tadi isteri-isteri yang begitu?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tidak.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Bagi soalan (b) saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu pada masa sekarang beratus-ratus permohonan daripada India iaitu isteri-isteri warganegara Malaysia apabila membuat permohonan untuk tinggal bersama-sama dengan suaminya di Malaysia telahpun ditolak terus dengan tidak memberi apa-apa sebab, sungguhpun dasar Kerajaan membenarkan permit masuk untuk isteri warganegara Malaysia. Ini telah menimbulkan berbagai masalah kepada keluarganya. Apabila pas lawatan diberi kepada isteri maka beliau duduk di sini, dia mengandung dan bersalin di India berbagai-bagai masalah yang dialami oleh mereka. Jadi rakyat ingin tahu adakah apa-apa kajian akan dibuat oleh Kementerian berkenaan di mana keutamaan akan diberi kepada isteri-isteri warganegara Malaysia. Pada masa sekarang permohonan diproses secara umum sama ada pemohon itu daripada England, Australia atau mana-mana dan sama ada pemohon itu lelaki atau perempuan. Saya minta keutamaan diberi kepada isteri warganegara Malaysia.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada peruntukan dalam undang-undang yang mengistimewakan bahawa isteri warganegara Malaysia boleh dibawa masuk dan tidak benar jikalau dikatakan ada dasar seperti demikian. Yang ada di dalam undang-undang kita peruntukan bahawa ada di atas alasan belas kasihan maka satu-satu itu boleh mengizinkan masuk walaupun dia isteri orang Malaysia ataupun tidak. Kalau dikira dari satu jenis kategori isteri atau suami maka tiada peruntukan dalam undang-undang melainkan seorang Malaysia itu duduk di luar negeri selama lebih dari 5 tahun dan isterinya itu bersekedudukan dengan dia selama 3 tahun dan tidak putus-putus, kalau dia hendak balik ke Malaysia dan dia adalah warganegara Malaysia, ada hak dia membawa isterinya sekiranya dia mengatakan dia sudah berkahwin lebih daripada 5 tahun. Selain daripada itu tiada peruntukan dan tiada dasar.

**Puan Rahmah binti Othman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati dengan angka-angka yang diberikan oleh Menteri yang berkenaan terutama sekali saya dapati jumlah permohonan yang hendak masuk ke negeri ini banyak orang perempuan daripada lelaki. Bolehkah Menteri memberitahu apakah yang menjadi penarikan kepada mereka ini untuk masuk ke Malaysia. *(Ketawa)*

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Itu patutnya wanita sendiri mesti menjawabnya. *(Ketawa)* Kebanyakan permohonan ini adalah mereka yang berkahwin dengan warganegara Malaysia.

**Dr Choo Kooi Fook:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar iaitu wanita luar negeri yang telah berkahwin dengan rakyat Malaysia tetapi sebelum kerakyatannya diluluskan, apabila dia hamil dan menjelang masa bersalin, dia dikehendaki meninggalkan negara kita. Pada bulan November, saya dapati dua orang dalam keadaan seperti itu. Apabila sampai sembilan bulan, dia dikehendaki meninggalkan negara kita. Seorang wanita dari Hongkong dan seorang lagi dari Singapura. Adakah benar ataupun adakah dasar begitu, saya ingin tahu.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Dasar terhadap orang mengandung atau tidak mengandung, tidak ada. Tetapi

dasar yang ada iaitu seseorang datang ke negara ini walaupun sudah bersuami ataupun beristeri dengan warganegara Malaysia tidak diizinkan duduk di negara ini dan tidak dibenarkan duduk sebagai pelawat. Sekiranya waktu edah dia datang ke negara ini sudah sampai, dia mesti keluar maka akan diperintahkan dia keluar. Tetapi kalau dia mengandung, itu tidaklah ditanya pada waktu itu dan tidak boleh dijadikan sebab mengapa dia tidak boleh keluar, melainkan kalau ada surat doktor mengatakan orang ini tidak boleh keluar, tidak boleh naik kapal terbang, barulah ada pertimbangan yang selain pula.

### TARIKH PUASA/HARI RAYA

**4. Puan Dasimah binti Dasir** *(di bawah S.O. 23 (2))* minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan berhubung dengan ketua negara-negara Islam terutama Arab Saudi untuk menyelesaikan masalah tarikh Puasa dan Hari Raya.

**Dato' Haji Mohamad bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, soal ini tidak timbul memandangkan iaitu Majlis Raja-raja telah menyelesaikan masalah tarikh mula berpuasa dan Hari Raya dengan melihat anak bulan atau rukyah. Keputusan yang dibuat itu adalah muktamad.

Suka saya menjelas sedikit, iaitu perselisihan tarikh mulai Puasa dan Hari Raya telahpun berlaku di zaman Rasulullah di antara negeri Madinah dengan Syam. Di masa itu dipakai kaedah rukyah dan kejadian itu tidak dibincangkan, maka kaedah ini jugalah dipakai di dalam negara kita ini.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tumpang bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tidakkah pada masa sekarang ini diamalkan dengan dua cara. Satu caranya untuk menetapkan Hari Raya Puasa maka itu kita tidak bergantung kepada mana-mana pun. Memang bergantung kepada rukyah. Apakala nampak bulan, Hari Raya; tidak nampak, tidak. Lagi satu, Hari Raya Haji. Maka ini bergantung kepada Mekah. Kalau sekiranya Mekah kata nampak bulan, kita pun terima. Kalau tidak nampak bulan, kita tidak terima. Kenapa boleh jadi begitu. Pada hal perkara ini perkara ugama kita.

Perkara agama ini hak Malaysia; hak Duli Yang Maha Mulia Raja-raja di dalam tiap-tiap negeri. Mengapa kita tidak memutuskan Hari Raya Haji sama seperti Hari Raya Puasa, kita melihat berdasarkan pada lihat anak bulan. Kalau sekiranya bulan itu nampak di negeri kita, patutlah Hari Raya. Kalau kita kata nampak bulan, patutlah ikut yang nampak itu, sama ada di Mekah itu berlaku begitu, kita tidak peduli. Tetapi sekarang ini terbalik. Untuk Hari Raya Puasanya, kita ikut negeri kita. Tetapi Hari Raya Hajinya, kita ikut Mekah. Macam mana boleh jadi begini? (*Ketawa*)

**Dato' Haji Mohamad bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan iaitu di negara kita ini sudah menjadi kaedah yang diputuskan oleh Raja-raja Melayu iaitu mulai puasa dan Hari Raya mengikut rukyah. Saya rasa apa yang berlaku kadang-kadang semasa dengan Hari Raya Haji di sini dan Hari Raya Haji di Mekah itu secara kebetulan. Walau bagaimanapun, pihak Mufti-mufti di tanahair kita ini memegang kepada dasar yang ada di dalam negeri ini.

**Puan Dasimah binti Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi yang berpuasa ataupun berhari raya, berapakah rukun dan berapakah syarat yang dibolehkan oleh Hadith ataupun Al-Quran?

**Dato' Haji Mohamad bin Nasir:** Sila ulang, tidak faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila ulang.

**Puan Dasimah binti Dasir:** Apakala berpuasa, berapakah syarat-syarat yang telah Tuhan beri kepada hamba dia, satu atau dua.

**Dato' Haji Mohamad bin Nasir:** (*Bangun*)

**Puan Dasimah binti Dasir:** Dalam bulan puasa. (*Ketawa*) Jangan gelak, ini betul.

**Dato' Haji Mohamad bin Nasir:** Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar yang itu.

**Puan Dasimah binti Dasir:** Berapa syarat?

**Dato' Haji Mohamad bin Nasir:** Syarat?

**Puan Dasimah binti Dasir:** Berapa syarat kita berpuasa.

**Dato' Haji Mohamad bin Nasir:** Syarat puasa?

**Puan Dasimah binti Dasir:** Yang membolehkan kita berpuasa, berapa syarat. Adakah dengan melihat anak bulan, ataupun hisab. Bukankah itu syarat, yang mana baik.

**Dato' Haji Mohamad bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan yang telah dijalankan di dalam negara kita ini syarat hendak memulakan puasa itu melihat anak bulan. Ini ada dalam Quran dan menurut perkembangan sains dan teknologi hari ini macam negeri-negeri yang sudah maju seperti Indonesia dan Turkey, ia cuba hendak menentukan tarikh itu mengikut hisab, kerana difikirkan perjalanan planet itu tidak berubah. Oleh sebab itu boleh ditentukan. Jadi setengah negeri macam Indonesia itu mereka pakai dua; kalau tidak dapat melihat anak bulan, mereka yakin dengan hisab dan mereka gunakan hisab.

#### JAWATANKUASA MENGENAI CADANGAN-CADANGAN DI PARLIMEN

**5. Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji dan mengambil tindakan atas semua perkara atau cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen pada masa Mesyuarat Parlimen atau bila-bila masa sahaja.

**Dato' Haji Mohamad bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan sedar akan aspirasi rakyat, segala cadangan yang dibangkitkan, sama ada oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen ataupun di luar, adalah sentiasa diberi perhatian oleh Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan. Sekiranya cadangan-cadangan yang dikemukakan didapati akan membawa faedah kepada kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara, maka cadangan-cadangan itu akan dilaksanakan.

## MINYAK—KENAIKAN HARGA

**6. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beliau telah membuat kenyataan yang bercanggah dalam hal harga minyak yang mengelirukan orang ramai, iaitu pada suatu ketika beliau memberi jaminan sungguh-sungguh harga minyak dinaikkan tetapi harga barang-barang keperluan tetap tidak berubah; jika ya, adakah beliau sedar bahawa harga susu, minuman ringan, simen dan sabun telah naik sekarang.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kenyataan yang bercanggah yang telah mengelirukan orang ramai yang pernah dibuat berhubung dengan kenaikan harga minyak. Apa yang dimaksudkan ialah pihak Kerajaan akan mencuba untuk memastikan bahawa kenaikan harga minyak tidak akan diikuti oleh kenaikan harga barang-barang lain. Oleh yang demikian subsidi telah diberikan kepada minyak diesel dan minyak tanah bertujuan untuk memastikan bahawa kenaikan harga minyak tidak akan mendatangkan kesan kepada harga barang-barang keperluan yang lain.

Kementerian saya sedar terdapatnya kenaikan harga beberapa barang baru-baru ini dan sukalah saya maklumkan iaitu permohonan-permohonan untuk menaikkan harga-harga barang tersebut telah dibuat sebelum kenaikan harga minyak baru-baru ini. Kenaikan harga barang-barang lain bukanlah disebabkan oleh kenaikan harga minyak semata-mata, tetapi adalah disebabkan oleh kenaikan kos pengeluaran semenjak beberapa tahun yang lalu. Oleh yang demikian kenaikan harga beberapa jenis barang pada masa ini dalam masa yang hampir sama dengan kenaikan harga minyak adalah secara kebetulan sahaja.

Kenaikan harga barang-barang seperti susu, minuman ringan, simen dan lain-lain adalah disebabkan oleh naiknya harga bahan-bahan mentah dan kos pengeluaran seperti buruh dan sewa yang tidak dapat dielakkan dan tidak dapat diserap oleh industri-industri berkenaan. Walau bagaimanapun Kementerian saya akan terus mencuba untuk menjaminkan bahawa kenaikan harga barang-barang tersebut adalah berpatutan dan dikekalkan ke paras minima.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah dapat mengekalkan harga beberapa barang keperluan seperti beras, gula dan tepung sehingga hari ini.

## LEMBAGA PERPADUAN NEGARA

**7. Tuan V. V. Aboo** minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Lembaga Perpaduan Negara dan sama ada beliau berpuashati atas kemajuan tersebut dan apakah tindakan beliau akan ambil untuk meninggikan lagi semangat perpaduan di negara ini.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perpaduan Negara menjalankan berbagai-bagai aktiviti dalam usaha memupuk perpaduan antara kaum. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan termasuklah usaha menubuhkan Majlis-majlis Perhubungan Masyarakat, Taman-taman Bimbingan Kanak-kanak dan kelas-kelas Perhubungan Masyarakat.

Lembaga itu telah juga mengadakan projek-projek gotong-royong, kunjungan-kunjungan muhibbah dan majlis-majlis dialog, di samping menjalankan kegiatan-kegiatan penyelidikan mengenai perhubungan kaum, dengan kerjasama universiti-universiti tempatan.

Secara keseluruhannya, saya adalah berpuashati dengan kemajuan yang dicapai oleh Lembaga itu.

Usaha-usaha adalah sentiasa dijalankan untuk meninggikan lagi semangat muhibbah dan perpaduan di kalangan berbagai kaum di negara kita ini. Usaha-usaha Kerajaan sahaja tidaklah mencukupi untuk mencapai matlamat perpaduan negara kita. Penyertaan yang positif dan ikhlas dari semua golongan rakyat adalah faktor yang penting untuk meninggikan lagi semangat perpaduan di negara ini.

## PINJAMAN PERUMAHAN KAKITANGAN KERAJAAN

**8. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk melanjutkan tempoh bayaran balik pinjaman perumahan bagi kakitangan Kerajaan dari tempoh 15 tahun yang ada sekarang ke tempoh 25 tahun.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada rancangan hendak melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman perumahan yang diberi kepada kakitangan daripada 15 tahun kepada 25 tahun seperti yang ada sekarang. Ini adalah kerana kadar faedah pinjaman cuma 4% setahun dikira berdasarkan baki bulanan dan syarat-syarat lain adalah tidak membebankan peminjam-peminjam. Bagaimanapun, perkara ini mungkin dikaji dari masa ke semasa mengikut keadaan.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Selain daripada ini adakah Kerajaan sedar bahawa sebahagian besar daripada kos harga rumah ini ialah hasil daripada faedah yang tinggi yang mana dikira lebih kurang 30% daripada total cost bagi pembayaran selesai harga rumah. Jadi, adakah Kerajaan hendak menimbang bagi menurunkan khususnya mengenai pinjaman-pinjaman bagi pembelian rumah, peratus interest kepada peminjam-peminjam.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar bahawa sebahagian besar juga daripada pembayaran balik kepada pinjaman rumah itu terdiri daripada faedah yang dikenakan tetapi buat masa ini belum ada lagi cadangan untuk mengurangkan kadar itu.

#### INSPEKTOR/KONSTABEL POLIS— PEMOHON

**9. Tuan Oh Siew Aun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pemohon untuk menjadi inspektor polis dan polis biasa dalam tahun ini mengikut bangsa; dan
- (b) sama ada iklan bagi jawatan polis disiarkan dalam akhbar tempatan termasuk akhbar Inggeris, China dan Tamil.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, perangkaan jumlah permohonan untuk menjadi Inspektor Polis dan Konstabel pada tahun 1979 yang sebenarnya kita belum selesai lagi, soal pengambilan

dan sebagainya tetapi angka yang ada pada masa ini jawatan Inspektor dan jawatan Konstabel:

Jawatan Inspektor	...	13,363
„ Konstabel	...	23,780

Ini saya berasa berat hendak mengeluarkan bilangan ini mengikut kaum kerana sudah lebih 20 tahun kita merdeka apa lagi yang kita hendak cakap, kaum apa jadi apa tetapi oleh kerana permintaan ini ada begini rupa, izinkan saya mengatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua:

Bangsa	Inspektor	Konstabel
Melayu .. .. .	10,090 Orang	20,992 Orang
Cina .. .. .	2,132 Orang	1,004 Orang
India .. .. .	602 Orang	896 Orang
Lain-lain (termasuk Kadazan, Iban dan sebagainya)	539 Orang	888 Orang

Berkenaan dengan iklan-iklan pula dalam pengambilan mereka ini maka semua surat-khabar kita gunakan, baik dalam bahasa Inggeris, bahasa Malaysia apatah lagi, bahasa Cina dan bahasa Tamil dan di dalam bahasa surat-khabar itu. Kalau hendak tahu pula biarlah saya tambah sedikit bilangannya. Pada tahun 1979 yang meminta menjadi Inspektor:

Melayu: Lelaki	...	...	4,856
Perempuan	...	...	5,234

Yang ditemuduga 4,370 daripada lelaki. Wanita belum temuduga, sedang dilaksanakan. Jumlah yang dilantik daripada lelaki 383 iaitu 10% daripada yang ditemuduga. Orang Cina pula, lelaki 1,128, wanita 1,004. Temuduga 987 lelaki iaitu 90% daripada yang meminta, yang diterima lelaki 122, wanita semua belum lagi selesai tahun ini iaitu 10%. Jadi, orang Melayu 10%, orang Cina 10%. India pula, yang meminta, 426 lelaki, wanita 176, yang ditemuduga 361 iaitu 90% daripada pemohon, yang diterima lelaki 44, wanita belum lagi iaitu 10%. Ini sangat adil.

Lain-lain bangsa yang minta: 343 lelaki, 196 wanita. Yang dipanggil temuduga; lelaki 309 iaitu 90%, yang diterima 22 lelaki iaitu 10% juga. Jadi inilah angka daripada Inspektor.

Konstabel. Tahun 1979; Melayu 9,345 lelaki yang minta, wanita 11,647—banyak minatnya. Yang dipanggil temuduga 95% iaitu 8,901; yang diterima 3,386 iaitu 38.4% daripada lelaki sahaja, wanita belum selesai lagi, Cina 304 lelaki, 700 wanita minta Konstabel. 278 lelaki ditemuduga, 151 diterima, 54% lelaki. Orang Melayu tadi 38.4% manakala orang Cina 54%. India 621 orang pemohon lelaki, wanita 275, yang ditemuduga 550 iaitu 88.5% yang diterima menyandang jawatan 197 iaitu 35.8% yang lain dari itu 410 lelaki, wanita 478 yang minta; yang ditemuduga, lelaki 400 iaitu 97.5% yang diterima 141 iaitu 35.2%. Itulah angka-angkanya.

### BANGUNAN PERPUSTAKAAN NEGARA—PEMBINAAN

**10. Puan Rahmah binti Othman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah Bangunan Perpustakaan Negara akan didirikan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mendirikan Bangunan Perpustakaan Negara Malaysia sedang rancang berjalan. Sebidang tanah seluas 5 ekar di Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur telah diperuntukkan sebagai tapak Bangunan Perpustakaan Negara Malaysia. Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, telah meluluskan luas lantai sebesar 210,000 kaki persegi untuk bangunan ini.

Bahagian Penyelarasan dan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telah melantik 4 perunding tempatan untuk menjalankan projek membina Bangunan Perpustakaan Negara Malaysia ini. Pihak Arkitek telah diminta untuk menyerahkan lukisan awal Bangunan Perpustakaan Negara Malaysia sebelum akhir tahun ini untuk mendapat pertimbangan Kementerian saya. Bangunan ini dianggarkan berharga \$25 juta. Pihak Arkitek telah memberitahu bahawa bangunan sebesar ini akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua tahun untuk membinanya. Oleh kerana itu adalah di jangka bangunan ini akan siap pada penghujung tahun 1982 atau awal tahun 1983.

### TV MALAYSIA—PENSYARAH RANCANGAN “SINAR ISLAM”

**11. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa penceramah-penceramah di rancangan “Sinar Islam” pada tiap-tiap malam Jumaat itu selalunya terdiri dari ustaz-ustaz sahaja dan tidak daripada ustazah-ustazah.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, memang benar pensyarah-pensyarah agama dalam rancangan “Sinar Islam” selalunya terdiri dari ustaz-ustaz dan jarang yang terdiri dari ustazah-ustazah. Ini adalah kerana Bahagian Agama dan Dakwah RTM mengalami kesukaran mendapat pensyarah-pensyarah dari kalangan ustazah-ustazah yang sesuai serta sanggup untuk mengambil bahagian dalam rancangan tersebut.

### ROMPAKAN DAN RAMPASAN BOT-BOT NELAYAN

**12. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk mencegah kejadian rompakan dan perampasan bot-bot nelayan yang seringkali berlaku di sekitar perairan Langkawi, Kuala Perlis dan Kuala Kedah.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, kesemua laporan yang diterima berkenaan dengan rompakan lanun ini menunjukkan bahawa kejadian rompakan berlaku di perairan Langkawi yang berhampiran dengan perbatasan atau perairan dengan Thailand dan tiada di Kuala Perlis ataupun di Kuala Kedah.

Dalam tahun 1978 sebanyak 8 kejadian berlaku di mana 7 daripada bot-bot tersebut dapat kita perolehi balik.

Daripada tahun ini 10 kejadian berlaku di dalam perairan kita dan sehingga bulan lepas sebanyak 6 buah bot kita telah dapat balik.

Berhubung dengan kes rompakan di laut pada tahun 1978, pihak berkuasa telah berjaya menangkap dan membawa ke Mahkamah satu kes yang akan dibicarakan di Langkawi pada 29hb. Disember, tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak Polis, lebih tepat Merin Polis untuk mencegah kejadian-kejadian tersebut adalah seperti berikut, umpamanya menjalankan rondaan dan apabila diperlukan, memperhebat rondaan-rondaan itu dengan dibantu oleh bot-bot ronda dari Pulau Pinang, mengadakan operasi bersama dengan pihak Tentera Laut dari masa ke masa dan bekerjasama dengan pihak Thailand di dalam Co-ordinated Patrol Zone dan baru-baru ini sudah sampai kepada pihak Polis 2 buah kapal terbang, iaitu sebahagian daripada kapal terbang-kapal terbang yang dibeli untuk digunakan untuk meronda laut kita menjaga supaya dapat mencegah kejadian-kejadian begitu.

### RAKYAT MALAYSIA BERKAHWIN ORANG ASING

**13. Tuan S. I. Rajah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada rakyat Malaysia yang berkahwin dengan orang asing dibenarkan masuk ke Malaysia dan tinggal tetap dengan tujuan tinggal bersama suaminya, jika ya, mengapa banyak yang telah disuruh balik dan setengahnya ditolak.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, dari tadi saya sudah sebutkan keadaan yang sebenarnya mengikut undang-undang, iaitu lelaki asing yang berkahwin dengan wanita warganegara Malaysia boleh masuk ke dalam negara ini tetapi sebagai pelawat sahaja dan bukan berhak untuk masuk di sini dengan bermaksud duduk dengan isterinya, iaitu seorang warganegara Malaysia—tidak ada hak, dan tidak ada peruntukan dalam undang-undang yang mengizinkan mereka. Yang sebaiknya isterilah pergi ikut suaminya di negara mana dia tinggal. Dalam keadaan begitu, begitu juga isteri macam mana saya kata tadi tidak ada peruntukan dalam undang-undang melainkan yang saya sebut tadi mereka yang tinggal di luar negeri lebih dari 5 tahun yang berkahwin di sana dan bersekedudukan selama 5 tahun.

### PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA

**14. Puan Hajjah Salmah binti Shaikh Hussain** minta Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan menyatakan usaha-usaha yang diambil untuk memastikan semua pertubuhan-pertubuhan belia di negara ini bergerak bagi

mencapai satu matlamat yang sama iaitu mengujudkan belia yang bersemangat kebangsaan serta beraspirasi nasional yang sama.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Chin Hon Ngian):** Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian ini bagi mencapai satu matlamat yang bersemangat kebangsaan dan beraspirasi nasional ialah:

- (a) Penubuhan persatuan-persatuan serta pertubuhan-pertubuhan belia yang hendak didaftarkan hendaklah mempunyai Perlembagaan yang mencerminkan keahlian dari berbagai kaum. Kementerian tidak akan menyokong sebarang pendaftaran persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan sekiranya Perlembagaan mereka tidak menunjukkan perpaduan kaum di kalangan belia.
- (b) Menyatupadukan semua pertubuhan belia di bawah satu pertubuhan di peringkat kebangsaan yang dikenali dengan nama Majlis Belia Malaysia supaya kegiatan-kegiatan mereka dapat diselaraskan.
- (c) Mewujudkan sebuah badan yang di namakan Majlis Perundingan Belia Negara atau dikenali juga dengan nama "Parlimen Belia" yang di anggota oleh wakil-wakil Pertubuhan Belia Kebangsaan, wakil Majlis Belia Malaysia dan juga wakil Jabatan Kerajaan untuk membincangkan dan merancang program-program belia selaras dengan cita-cita kebangsaan.
- (d) Menjalankan berbagai program seperti kursus-kursus kepimpinan, seminar, bengkel, lawatan sambil belajar, pertukaran belia dan khemah kerja bagi menimbulkan kesedaran di kalangan belia untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara.

### MAJLIS PERBANDARAN DAERAH

**15. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan menambah peruntukan yang diberikan sekarang—Grant Pelancaran dan peruntukan tahunan kepada Majlis-majlis Perbandaran Daerah bila mana mereka telah menerima penyelarasan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya sedar bahawa peruntukan Grant Pelancaran dan Bantuan Kewangan Tahunan yang diberikan pada masa sekarang adalah masih tidak mencukupi bagi Penguasa-penguasa Tempatan yang telah disusun semula untuk mencapai objektif-objektif yang tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah dibincangkan dalam Persidangan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang telah diadakan pada 1hb Disember, 1979 dan Majlis telah bersetuju bahawa Jawatankuasa Bertindak Bersama-sama yang baru ditubuhkan harus mengkaji semula formula-formula yang dipakai pada masa ini bagi pengiraan Grant Pelancaran dan bantuan kewangan tahunan.

#### BANTUAN KEPADA THAILAND

**16. Datuk Dr Wee Khoo Hock** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa pada masa lawatan Perdana Menteri Thailand ke Kuala Lumpur pada 23-10-79 hingga 26-10-79 Y.A.B. Datuk Perdana Menteri Malaysia telah mengutarakan Malaysia akan membantu dengan sekuat-kuatnya bagi Thailand menahankan kemerdekaan, kedaulatan dan tanahairnya dari pencerobohan luar sama ada bantuan itu termasuk bantuan tentera jikalau Thailand diserang oleh negara asing.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, keselamatan, kedaulatan dan kemerdekaan negara Thailand adalah berkait rapat dengan keselamatan, kedaulatan dan kemerdekaan negara Malaysia. Oleh itu, sekiranya negara Thailand diserang oleh sebuah negara lain, Malaysia akan menawar bantuannya kepada Thailand, termasuklah bantuan tentera (*Tepuk*).

#### PEMBATALAN PENDAFTARAN FARDHU HAJI

**17. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan adakah seorang bakal haji yang batal pendaftaran kerana tidak berjaya memenuhi syarat-syarat yang diperlukan oleh LUTH iaitu wang sebanyak tidak kurang \$4,000 itu juga dikenakan potongan dari wang pendahulunya.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya mengikut peraturan Lembaga Urusan dan Tabung Haji apabila seorang Bakal Haji membuat pembatalan selepas pendaftaran untuk menunaikan Fardhu Haji, potongan akan dibuat dari wang simpanannya kecuali pembatalan itu disebabkan oleh perkara-perkara yang tersebut di bawah ini:

- (a) Kematian;
- (b) Kemalangan;
- (c) Malapetaka atau bencana alam seumpama banjir, puting beliong dan sebagainya.

#### LESEN TEKSI

**18. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan lesen teksi yang dikeluarkan pada tahun 1977, 1978 dan dalam tahun 1979 hingga sekarang.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, lesen-lesen teksi yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan pada tahun 1977 ialah sebanyak 214, pada tahun 1978: 707 buah dan tahun 1979 hingga 30hb. Oktober, 1979 ialah sebanyak 786 buah.

#### PASPOT ANTARABANGSA

**19. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa banyak permohonan Paspot Antarabangsa yang telah diluluskan sehingga hari ini kepada pemohon mengikut kaum yang di bawah umur 40 tahun.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini nampaknya umum kerana tidak menyebut dari tahun mana maklumat ini dikehendaki. Walau bagaimanapun, mengikut rekod di Jabatan Imigresen sejumlah 643,818 naskah pasport antarabangsa telah dikeluarkan kepada warganegara yang berumur 45 tahun ke bawah sejak tahun 1975 hingga bulan September, 1979.

Sekali lagi saya mengatakan eloknyanya janganlah kita banyak menggunakan soalan mengikut kaum, tetapi kalau berkehendakan juga, boleh saya sebutkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah.

## PEMAJU-PEMAJU RUMAH SWASTA

**20. Puan Rahmah binti Othman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar pada masa ini pemaju-pemaju rumah swasta banyak menumpukan usaha terhadap pembinaan rumah-rumah harga tinggi untuk mendapat keuntungan yang lebih, jika ya, nyatakan tindakan yang diambil untuk membetulkan keadaan ini.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah hampir sama dengan soalan-soalan yang telah dibangkitkan dahulu. Walau bagaimanapun, bagi menjawabnya, Kementerian saya sedar bahawa pemaju-pemaju perumahan swasta kebanyakannya membina rumah-rumah yang berharga tinggi tetapi pemaju-pemaju perumahan ada juga membina berbagai-bagai jenis rumah daripada yang berharga sederhana kepada yang berharga tinggi.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, di mana pemaju-pemaju mendapat keuntungan yang lebih, ini adalah sukar hendak ditentukan oleh kerana berbagai-bagai faktor kos pembinaan terlibat di dalam kemajuan perumahan walaupun di dalam beberapa skim perumahan harga-harga jualan yang dikenakan adalah dianggap terlalu tinggi dan tidak dapat dikaitkan dengan faktor kos. Kementerian saya sentiasa meneliti dan mengkaji mengenai harga-harga jualan rumah dan Kementerian saya tidak menggalakkan kenaikan harga jualan rumah-rumah ini dan di antara langkah-langkah yang diambil ialah pemaju-pemaju dinasihatkan supaya tidak mengenakan harga yang tinggi bagi rumah-rumah mereka dan permohonan-permohonan untuk menaikkan harga jualan tidak dipertimbangkan kecuali di dalam hal-hal di mana kenaikan ini adalah didapati perlu.

Kementerian saya juga mengkaji sebab-sebab kenaikan harga ini dan cuba mencari jalan supaya harga-harga jualan rumah tidak meningkat dengan kadar yang cepat. Walau bagaimanapun Kementerian saya tidak bercadang mengawal kenaikan harga jualan oleh kerana berdasarkan kepada falsafah perdagangan bebas di dalam industri perumahan. Sebaliknya, sekiranya Ahli Yang Berhormat ada maklumat-maklumat mengenai mana-mana pemaju yang mengenakan harga ter-

lampau tinggi, saya harap Ahli Yang Berhormat mengemukakan maklumat-maklumat dan butir-butir tersebut kepada Kementerian saya untuk dibuat siasatan.

Saya juga mengambil peluang di sini untuk menasihatkan orang ramai janganlah terburu-buru untuk membeli rumah-rumah oleh kerana ini memberi peluang kepada pemaju-pemaju untuk menaikkan harga rumah-rumah mereka.

**Puan Rahmah binti Othman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Menteri yang berkenaan yang mengatakan kalau saya ada maklumat bolehlah saya hantarkan kepada Menteri. Memang ada banyak untuk maklumat Menteri itu dan akan saya hantarkan selepas ini. Tetapi satu kenyataan yang terpaksa saya timbulkan juga di sini ialah berkenaan dengan perkara yang pertama tadi disebutkan oleh Menteri iaitu Kementerian tidak ada usaha untuk hendak mengkontrol harga murah. Ini amatlah mendukacitakan terutama sekali kalau di bandar Kuala Lumpur ini. Mungkin agaknya disebabkan oleh tidak ada kuasa di Kementerianlah maka pemaju-pemaju rumah di sekitar bandar Kuala Lumpur ini menaikkan harga-harga rumah terlalu tinggi hingga menyebabkan peruntukan 30% untuk bumiputra itu tidak tercapai.

Ada satu pemaju rumah yang terbesar di Kuala Lumpur ini sehingga ada satu usaha untuk mengfreezekan jualan rumah-rumahnya kerana pemaju rumah itu tidak memberikan 30% kepada bumiputra. Apabila ditanya kepada pemaju itu, bumiputra—orang Melayu khususnya tidak mahu beli kerana harganya terlalu mahal. Sebenarnya inilah yang mendukacitakan kita. Saya ingin bertanya Menteri yang berkenaan sedar atau tidak jika pada tahun dahulu harga sebuah rumah itu \$150,000 rumah bungalow misalnya, tetapi rumah-rumah teres di Kuala Lumpur sekarang sudah dijual dengan harga \$175,000. Jadi apakah usaha Kementerian untuk hendak menolong orang-orang Melayu yang ada di dalam bandar Kuala Lumpur ini untuk memiliki rumah-rumah yang dimaksudkan oleh Menteri tadi harga sederhana.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai perumahan yang dikatakan tadi adalah soalan umum, tidak ada yang spesifik atau perkara yang tertentu. Baguslah kalau ada satu perkara yang

tertentu diberi di sini, dahulu pun dikatakan begitu juga, tetapi sampai sekarang tak ada juga—itulah yang susahnyanya.

Mengenai dengan soalan orang-orang Melayu di Kuala Lumpur ini, Ahli Yang Berhormat itu eloklah membaca Kajian Rancangan Malaysia Ketiga dan Ahli yang Berhormat mestilah faham bahawa tanah dan rumah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, Kementerian saya hanya sebagai penasihat. Walau macam manapun, kita sentiasa melihat kedudukan rumah yang saya katakan di sini. Sungguhpun soalan Ahli Yang Berhormat itu terkeluar daripada pertanyaan yang dikemukakan berkenaan dengan kenaikan harga rumah dan sebagainya, tetapi ini termasuklah mengenai dengan pemberian kepada orang Melayu. Walau macam manapun saya suka terangkan bahawa Kementerian saya ada fungsinya mengenai dengan susunan dan peraturan bagi mengelakkan Dasar Ekonomi Baru membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Jadi Dasar Ekonomi Baru pun saya harap Ahli Yang Berhormat tolong bacalah kalau sekiranya belum membaca.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata pemaju perumahan swasta mendirikan rumah dengan meletakkan harga yang begitu tinggi, sederhana dan ada juga yang rendah kata beliau tadi. Tetapi kalau mereka tidak mahu memberikan rumah itu kepada pembeli dengan segera dikatakan rumah itu sudah habis atau diletakkan harga yang tidak memuaskan atau paling tinggi sekali harganya. Apakah tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam masalah ini.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pada psikologinya, itu sebab dalam jawapan saya tadi saya seru kepada orang ramai jangan terburu-buru. Ada setengah orang berkata kalau tak beli rumah dalam tahun 1979 ini maka rumah itu akan habis. Itulah sikap terburu-buru, ramai rakyat membeli terburu-buru. Bahkan lesen yang telah dikeluarkan oleh Kementerian saya lebih 1,200 dan banyak rumah yang boleh rakyat pilih sendiri, tetapi yang susahnyanya bila dia berkehendakkan rumah dia berebut-rebut, rumah itu bukan tidak cukup, rumah itu cukup, tetapi rumah yang hendak dibuat oleh Kerajaan dalam public sector iaitu Kerajaan sendiri mendirikan.

Yang kedua yang dibuat oleh pemaju perumahan ada berperingkat-peringkat. Ada yang dapat rumah dari public sector—itu untuk orang yang berpendapat rendah, kemudian yang berpendapatan pertengahan dan yang tinggi, mereka ini boleh membeli rumah melalui pemaju-pemaju perumahan. Jadi oleh itu golongan ini tidak berapa ramai, tetapi yang ramai sekali golongan berpendapatan rendah Kerajaan sedar dan itulah sebabnya sekarang ini kita adakan usaha mempercepatkan dan hari ini 51% lebih kurang rumah-rumah harga murah, selain daripada Kementerian saya sendiri membuat lebih kurang 20% dan agensi Kerajaan yang lain membuat lebih kurang 51% pula dan pemaju perumahan pun ada membuat untuk golongan yang murah. Kalau begitu tanyalah kepada Kerajaan Negeri macam negeri Johor diberi 40% kepada orang yang berpendapatan rendah daripada semua kaum.

## PERANCANGAN KELUARGA

**21. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan pencapaian matlamat dasar perancangan keluarga negara dengan menyatakan kadar peratus rakyat mengikut kaum iaitu Melayu, China, India dan orang-orang Asli di Semenanjung Malaysia kaum Bumiputra di Sabah dan Sarawak yang melaksanakan perancang keluarga.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, matlamat dan tujuan perancang keluarga ialah bagi menyusun keluarga yang dihajati dan untuk memperbaiki taraf kesihatan dan kebajikan mereka. Sehingga akhir tahun 1978 jumlah penerima yang berdaftar dengan Lembaga Perancang Keluarga Negara ialah seramai 743,284 orang bagi Semenanjung Malaysia. Bilangan ini meningkat sehingga bulan Ogos, 1979 menjadi seramai 791,832 orang. Kadar kasar kelahiran pula telah menurun dari 37.3 pada tahun 1967 kepada 30.6 pada tahun 1976 bagi tiap-tiap 1,000 penduduk.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sebanyak 450 orang dalam tiap-tiap 1,000 wanita yang layak yang berumur di antara 15-49 tahun di Semenanjung Malaysia adalah mengamalkan perancang keluarga. Bagi golongan masyarakat Melayu kadar penerimanya sebanyak 424 orang dalam tiap-tiap 1,000, golongan masyarakat China 513 orang

dalam tiap-tiap 1,000, manakala India 411 orang dan lain-lain keturunan masyarakat sebanyak 362 orang dalam tiap-tiap 1,000.

Bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak perkhidmatan Perancang Keluarga Kerajaan belum lagi dijalankan. Walau bagaimanapun, mereka yang ingin mendapat perkhidmatan perancang keluarga boleh mendapatkannya daripada klinik-klinik Persatuan-persatuan Perancang Keluarga Negeri Sabah dan Sarawak.

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (10hb Disember. 1979)

3.35 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya petang semalam berkenaan dengan bumiputra di dalam Dasar Ekonomi Baru yang dikatakan oleh segenap rakyat dan dipersoalkan oleh segenap lapisan rakyat juga di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang di dalam Dewan Rakyat telah menyatakan berkali-kali menentang Dasar Ekonomi Baru ini. Kita dengar suara yang nyaring dan suara yang lantang yang diperkatakan oleh pihak Pembangkang. Pihak Pembangkang sangat suka kaum bumiputra ini miskin hidupnya dan melarat di dalam negerinya sendiri. Apa yang diperkatakan oleh Tun Tan Siew Sin baru-baru ini di Amerika adalah benar. Ini pihak Pembangkang dan siapa juga yang tak puas hati di atas perkara ini boleh tengok apa yang dikatakan oleh beliau dan juga Menteri Kewangan pada hari ini. Sebagaimana pada tahun 1969 sebelum meletus 13hb Mei, 1969 Menteri Kewangan sendiri mengatakan ekonomi bumiputra di dalam negara kita sendiri sebanyak 2.4%. Ini bukan perkataan saya. Ini adalah perkara yang nyata dan terang. Dengan sebab itulah Kerajaan kita pada hari ini untuk mengseimbangkan ekonomi rakyat dalam negara kita sendiri untuk segala bangsa, segala lapisan rakyat supaya puas hati maka dengan sebab itu diadakan Dasar Ekonomi Baru. Dasar ini

kita patut kaji satu persatu apa kelemahannya bumiputra ini dan bagaimana untuk mengatasi kelemahan itu.

Dahulu pada satu masa sebelum 13hb Mei meletus kita mengatakan kita tidak ada bank, dahulu satu bank bumiputra pun tidak ada, di mana kita boleh dapat meminjam duit, kita ada tanah tetapi kita tidak dapat menggadaikan tanah kita itu. Kebanyakan tanah bumiputra adalah Malay Reservation yang mana tanah itu tidak boleh diterima oleh bank-bank yang lain daripada bank orang Melayu atau bank bumiputra. Dengan itu harta Melayu yang kita nampak dirizebkan oleh orang Putih dahulu kalau tidak barangkali semuanya telah habis daripada tangan Bumiputra, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam Kongres Ekonomi Bumiputra yang pertama sekali kita telah tubuhkan Bank Bumiputra. Satu daripada tujuannya untuk menyenangkan rakyat atau bumiputra meminjam duit, bukan pinjam wang dengan sewenang-wenangnya, tetapi dengan ada kertas kerja, kajian pasaran dan sebagainya untuk meninggikan taraf hidup bumiputra. Apa yang dikatakan oleh Tun Tan Siew Sin iaitu bumiputra tak dapat mengejar kaum lain, warganegara lain dalam ekonomi, tak dapat dikejar, naiknya lebih lekas oleh kerana mereka banyak duit (capital); kedua, tenaganya; ketiga technical know-how dan sebagainya. Dengan sebab itu kita tak dapat mengejar iaitu bermacam-macam soal, bukan sahaja soal kewangan, satu daripadanya yang besar sekali ialah kewangan, tetapi yang lain pun ada.

Dengan sebab itu kita tidak dapat mengejar, bermacam soal, yang besarnya sekali ialah kewangan, tetapi yang lain-lain pun ada. Dengan sebab itu, pada hari ini baikpun UDA, MARA, PERNAS dan sebagainya telah membeli saham-saham. Saham-saham Bank Bumiputra ini untuk sementara, diambil oleh Kerajaan atau oleh badan-badan ini tetapi bila sampai masanya bumiputra boleh beli. Adakah pada masa 10 tahun akan datang iaitu tahun 1990 hak-hak bumiputra yang dipegang oleh PERNAS, PERANSANG, UDA dan sebagainya dapat dibeli atau tidak oleh bumiputra. Ini satu soalan. Adakah tenaga bumiputra dapat membeli saham-saham ini? Kalau tidak begitu dapatkah atau tidak kekuatan kewangan bumiputra membeli saham-saham yang begini bagus. Kalau tidak, berbalik begitu juga tidak

dapat dibeli. Hidup orang Melayu dan bumiputra yang lain miskin juga, terus miskin, sebab sebenarnya tidak dapat memasuki dunia perniagaan dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, peluang-peluang mesti diberikan kepada bumiputra. Hari ini peluang-peluang memang dikehendaki oleh bumiputra. Ya, memang ada peluang tetapi kita tunjukkan satu persatu bagaimana peluang-peluang ini tidak dapat dimasuki oleh bumiputra dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Katakanlah bumiputra hendak masuk di dalam perniagaan menjual buah-buahan seperti rakannya yang lain bangsa Cina misalnya.

Di dalam perniagaan buah-buahan ini, adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tahu perniagaan ini adalah dikontrol oleh Fruit Dealers Association, dikontrol oleh orang Singapura. Sampai hari ini bukan sahaja orang-orang kita bumiputra yang tidak dapat membeli buah-buahan ini terus dari Australia, Taiwan dan China, tetapi warganegara lain pun tidak dapat. Bagaimana hendak menolong bumiputra. Saya mempunyai pengalaman dengan sebab itu saya menyatakan begini. Di South Bridge Road Singapore, penuh dengan dealers untuk buah-buahan. Kalau kita ada kuota daripada luar-negeri untuk mendapatkan buah-buahan untuk dijual, katanya: ini tak mahu, busuk, kalau 100 tong, 60 tong sahaja dikira dan 40 tong lagi dikira busuk. Bagaimana bumiputra hendak masuk dalam dunia perniagaan dan perusahaan yang begini melainkan jika sekiranya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menengokkan buah-buahan ini hendaklah diambil terus daripada negeri asal masuk ke negeri kita, betul-betul dipotong sekali daripada Singapura barulah bumiputra dapat berniaga dengan buah-buahan. Ini satu daripada sebabnya.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, peluang-peluang yang lain mestilah diberi bumiputra ini. Janganlah diingatkan biarlah bumiputra ini mati sahaja dalam bidang perdagangan dan perusahaan, pedulikan dia, macam sebelum 13hb Mei, 1969. Apa yang dikehendaki, Tuan Yang di-Pertua, ini satu daripada contoh yang benar ejen-ejen rokok misalnya. Katakan Malayan Tobacco, sampai hari ini takut memberi ejen-ejen itu kepada orang-orang Melayu atau bumiputra di Kuala Lumpur ini dan Kementerian takut untuk mengarahkan Malayan Tobacco melantik bumiputra sebagai

ejen. Sampai hari ini beribu-ribu permohonan bumiputra tak dapat dilayan. Kementerian takut oleh kerana orang lain akan mogok seperti yang terjadi di Pulau Pinang, tidak mahu membeli rokok-rokok daripada Malayan Tobacco seperti yang telah terjadi kepada rokok Rothman pada tahun-tahun yang lalu. Beginilah caranya orang lain hendak menolong bumiputra? Bukan bumiputra hendak merampas lesen orang lain tetapi cuma memberi sedikit sebanyak supaya pada satu hari nanti dapat bekerjasama, dapat menikmati iktisad negeri ini bersama-sama. Ini yang dikehendaki oleh bumiputra dalam negeri ini. Ini mestilah diberitahu kepada semuanya, diterangkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana berkenaan dengan ejen juga. Misalnya satu Finance Company, United Keng Soon Finance, dia juga Finance Company, dia juga ejen televisyen, dia juga ejen itu dan dia juga ejen ini. Bumiputra baru hendak merangkak dapat ejen televisyen, bagaimana modal kewangan, apa kurang. Bukan sahaja orang lain yang bukan bumiputra yang kecil-kecil itu tak dapat berniaga, orang yang besar sahaja seperti United Keng Soon, Hong Leong Finance dan lain-lain yang besar, dengan tak ada sekata lagi. Bagaimana hendak hidup dalam dunia perusahaan ini. Dikatakan apa fasal bumiputra tak boleh maju begitu begini. Penyakitnya ada dan Kementerian mestilah menengokkan supaya penyakit ini dapat kita bendong supaya bumiputra dapat meningkat di dalam dunia perniagaan dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bank, kita harapkan dan beberapa kali kita katakan mesti ada bank untuk bumiputra berniaga. Tuan Yang di-Pertua saya telah dapat laporan daripada orang-orang kita sendiri dalam bank-bank. Orang-orang yang hendak meminjam \$5,000—\$6,000 ini ada membuat laporan, kertas kerja dan sebagainya, itu-pun ada corruption dalam bank sendiri. Orang-orang miskin yang hendak meminjam itupun kena bayar duit. Saya ada bukti di sini, kalau ada Anti-corruption hendak surat-surat ini saya boleh beri. Satu orang kalau hendak meminjam \$5,000 ada orang perantaraan di luar berkehendakkan \$300 untuk diberi kepada bank-bank tertentu. Ini United Malayan Banking, ini suratnya. Jangan kata saya cakap-cakap sahaja, ini suratnya, tak payah saya bacakan kalau sesiapa yang berkehendak sama ada polis atau anti-corruption, saya sedia memberinya. Ini report kepada

polis. Apabila orang itu mengadu kepada saya, saya telefon dengan UMBC, bagaimana keadaan jadi begini. Orang miskin ini hendak meminjam \$4,000-\$5,000 hendakkan \$300 untuk duit kopi, kerana ada satu manusia di dalam bernama Nasir. Nasir berkehendakannya mengikut teksi driver bernama Mokhtar, ini satu daripada examplanya. Mokhtar tukang kutip untuk diberi kepada Nasir. Malam itu juga Tuan Yang di-Pertua, si Mokhtar telah membayar balik duit itu, sudah 6 bulan diambil duit itu, belum approved lagi, kemudian duit itu dipulangkan kepada orang ini selepas diambil tindakan. Sungguhpun begitu corruption telah terjadi dan berapa ribu ringgit telah terlibat dengan kerana bank-bank ini telah berbuat begitu. Saya tak dengar daripada Bank Bumiputra.

Satu perkara lagi berkenaan dengan bumiputra dalam dunia perdagangan dan perusahaannya. Saya juga berkecimpung dalam dunia perniagaan dan perusahaan bumiputra. Selalu dikatakan 30% penyertaan bumiputra. Jadi ini terkeliru, jikalau misalnya investment dari luar datang ke sini, mereka mengatakan cuma 30%. Ini bermakna sekurang-kurangnya 30% diberi kepada bumiputra. Ini terkeliru. Jadi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mestilah meletakkan di situ "sekurang-kurangnya". Ini dikatakan 30% sahaja, jadi orang-orang di luar negeri memikirkan cuma 30% sahaja sahamnya diberi kepada bumiputra.

Saya tidak hendak bercakap panjang tetapi satu perkara lagi ialah berkenaan dengan surat yang telah diedarkan oleh Ibupejabat Jabatan Pengangkutan Jalan, beralamat Kompleks Pejabat, Jalan Dungun, Damansara Heights, Kuala Lumpur, bertarikh 3hb Ogos, 1979. Surat ini dihantar dengan photostat copy ke beberapa buah pejabat, disain oleh Datuk Hassan bin Ibrahim, Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan, Malaysia. Surat ini mesti diasas dengan sebenar-benarnya, sebab satu daripadanya kes pertama mengenai Tan Chong.

Saya minta izin membacakan sedikit sahaja:

"Saya telah mendedahkan bahawa penipuan telah dilakukan oleh Tan Chong terhadap Kerajaan. Kenderaan Nissan Huma (Diesel) yang patut didaftarkan sebagai kenderaan 61 cwt. telah didaftarkan sebagai 50 cwt. Ini telah berlaku kerana Tan Chong telah mengemukakan

tag yang telah ditampal angka 1 tan payload dan tidak 1.5 tan seperti katalog asalnya.

Pada bulan Januari, 1979 saya telah mengarahkan supaya kenderaan ini tidak boleh lagi didaftarkan sebagai kenderaan 50 cwt. dan perkara ini telah saya dapatkan pengesahan dari R.O.V. Singapura dan Land Transport Department, Sarawak."

Jadi banyak lagi di dalam surat-surat ini yang diedarkan menjadi surat pekeliling. Sama ada ini memburukkan nama Kerajaan, Kementerian atau tidak saya harap pihak-pihak yang tertentu menyiasat perkara ini dan jangan difikirkan oleh Datuk Hassan Ibrahim nanti oleh kerana itu dia telah ditukarkan atau apa sahaja oleh Kerajaan kita. Kalau betul perkara ini berlaku maka tindakan mestilah dijalankan terhadap siapa juga pun.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah juga menyatakan iaitu untuk menekan inflasi, kegiatan-kegiatan sorok (hoarding) iaitu satu artificial shortage mestilah di tengok oleh Kerajaan, macam mana saya menyatakan berkenaan dengan simen, besi dan sebagainya tetapi barang-barang yang lain juga sebagaimana kita dapati dengan diesel seumpamanya. Artificial shortage itu sengaja dibuat-buat, dikatakan barang itu tidak ada tetapi sebenarnya barang itu ada. Hoarding pun begitu juga. Ini mestilah ditengok oleh Kerajaan supaya perkara-perkara semacam ini tidak berlaku.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembangunan kita yang pesat pada hari akan datang ini tenaga elektrik mestilah betul-betul diadakan sebab tenaga-tenaga ini didapati kekurangan di sana sini. Dengan sebab itu pembangunan-pembangunan tidak dapat dijalankan terutama sekali industri-industri. Jadi pada tahun yang akan datang tenaga elektrik ini mestilah dijalankan atau dibuat dengan sebenarnya.

Selain dari itu berkenaan dengan bahasa. Saya sokong apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Undang-undang dalam suratkhbar hari ini atau semalam, yang mengatakan Bahasa Kebangsaan boleh digunakan di Court pada hari yang akan datang. Inilah yang kita hendak iaitu yang saya mengatakan Bahasa Kebangsaan ini kalau tidak ada harganya, memang orang tidak mahu mempelajarinya. Apa sebabnya bahasa

Inggeris bukan sahaja di Tanah Melayu, di-England sahaja dipelajari oleh orang tetapi di seluruh dunia oleh kerana bahasanya itu berkembang kerana dihargai oleh orang ramai. Tetapi jikalau bahasa kita sendiri kita tidak hargai maka orang kita dalam negeri ini pun tidak kuasa hendak mempelajarinya. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan kita mesti gunakan bahasa ini pada hari ini juga dalam undang-undang, dalam Court tetapi kita boleh menyuruh pakar-pakar bahasa kita untuk menterjemahkan technical language ini di dalam Court ini ke Bahasa Kebangsaan ataupun kalau tidak, dipakai apa yang ada di dalam bahasa Inggeris itu sekiranya tidak ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Musa Hitam kita mesti ikut zaman, pakai pada hari ini juga. Seperti perkataan "post" kita kata "pos" apa salahnya—tidak menjadi apa-apa. Kita berkehendakkan bahasa kita betul-betul berdaulat. Saya bukan tidak tahu bahasa kita hari ini maju, ada kemajuannya daripada 20 tahun dahulu, hari ini memang maju tetapi apa yang kita hendakkan lebih maju lagi iaitu bahasa ini betul-betul berdaulat mengikut Perlembagaan kita. Saya mengalu-alukan apa yang diberitahu oleh Timbalan Menteri Undang-undang yang mengatakan ini bolehlah dijalankan di dalam tempoh tidak berapa lama lagi di dalam undang-undang kita.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap berkenaan dengan agama, saya pun tidak tahu banyak sangat berkenaan dengan agama, tetapi saya juga tidak fanatik dengan agama. Tuan Yang di-Pertua, agama Islam ini sangat dalam, bukan di luar sahaja. Kita mengatakan hukuman seperti hukuman gantung, hukuman baling batu—hukuman-hukuman ini bukan begitu sahaja. Kalau berzina hukumannya mati—tidak begitu. Sebab itu Yang Berhormat Menteri pada hari itu telah mengatakan orang Islam apabila ditanya oleh salah seorang daripada Ahli di Dewan ini, mengatakan apa sebab orang itu pakai serban hijau, baju hijau, apa sebabnya? Saya memang tertarik hati iaitu ada sebab-sebabnya. Islam mengkaji bukan sahaja makanan, bukan sahaja agama untuk besok kita mati tetapi juga di dunia ini dikaji, tentang pakaian dikaji macam yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri kita iaitu hijau bagaimana, putih

bagaimana, kalau pakai hitam di negeri yang panas barangkali dua kali panasnya, mesti dikaji oleh Islam.

Begitu juga kalau orang berzina, zina itu hukumnya mati tetapi hendak menghukum orang ini, ugama Islam itu berhati-hati sangat. Jikalau ada empat orang melihat keadaan itu betul-betul berlaku, barulah orang itu dihukum. Memang payah betul hendak mencari empat orang melihat perkara ini terjadi, saya ingat susah. Ianya mempunyai tafsiran yang sangat dalam.

Tuan Yang di-Pertua, tahu apa sebabnya orang Islam tidak makan babi? Ugama Islam kata orang Islam tidak boleh makan babi tetapi orang lain makan babi, gemuk juga dia. Apa fasal? Sebabnya ia ada mengandungi ulat yang dinamakan "tape-worm". Ada dua daging yang mengandunginya iaitu anjing dan babi yang diharamkan. Hanya dua binatang ini yang ada ulat yang dinamakan "tape-worm". Itulah sebabnya kita terpaksa samak apabila kita terkena air liur babi atau anjing daripada mulut dan buntutnya mestilah disamak, kalau tidak samak, tidak boleh jadi, nanti dia masuk ke perut, dan kalau dimakan, lebih lagi. Tetapi jikalau kita di dalam perjalanan tiada lagi daging apa-apa yang kita dapati dan kita sudah hendak mati, kerana tiada makanan lain, boleh pula dimakan daging babi ini, dimasak betul-betul dan boleh pula kita hidup itu tidak menjadi hal dan sesudah hidup itu, jangan lagi kita makan daging babi. Begitulah sayangnya ugama Islam terhadap umatnya. Ugama Islam adalah satu ugama yang bukan fanatik, tidak, tetapi ugama yang betul-betul suci dan bukanlah seperti ajaran-ajaran yang dikatakan oleh setengah-setengah manusia.

Selain daripada itu berkenaan dengan subversion. Ini satu penyakit yang Kerajaan kita terpaksa perhatikan. Oleh kerana pada hari ini kita hendak berbaik-baik, dasar Malaysia hendak berbaik-baik dengan semua negeri—memang bagus, baik dia komunis, baik dia kapitalis, baik dia sosialis—ini memang bagus tetapi jangan ada subversion di dalamnya. Russia hendak berbaik—boleh hendak buka kedutaannya, boleh. China Komunis hendak buka kedutaan boleh. Tetapi jangan subversion yang dibuatnya. Makin dia dekat dengan kita, mesti kita jaga betul-betul, makin kita jaga supaya subversion jangan dapat dia masuk menyerap ke dalam kita terutama sekali dalam politik. Begitu juga bukan Russia dan China sahaja, kita juga

tidak mahu duta-duta Amerika di dalam negeri ini menjalankan CIAnya di negeri kita. Macam mana Yang dikatakan di negeri-negeri Islam yang lain seperti di Pakistan, Iran dan lain-lainnya. Kita bukan hendak menjadi orang Iran, hendak menahan orang-orang tidak, tetapi kita tidak hendak CIA di sini. Begitu juga dengan subversion komunis ini, oleh kerana kita menentang komunis sama ada Komunis China, Komunis Russia, Marks, Lenin dan sebagainya, kita adalah menentang ajaran komunis. Ajaran komunis ini daripada mana datangnya kita tentang walaupun komunis di dalam parti kita atau parti siapa pun, ini terpaksa kita tentang. Kita terpaksa beringat-ingat supaya subversion ini jangan masuk di kalangan parti.

Berkenaan dengan pejabat, iaitu Pejabat Telekom. Telekom ini satu pejabat yang cukup untung, oleh kerana modal tidak berapa banyak, kerana kalau misalnya elektrik, dia ada tenaga elektriknya yang menggunakan tenaga minyak dan sebagainya, Telekom tidak. Jadi keuntungannya berpuluh million ringgit setahun. Dengan sebab itu kalau hendak mengembangkan, berapa banyak lagi orang hendak telefon, mestilah diperbesarkan dan diperbanyakkan lagi. Dengan sebab itu Kerajaan terpaksa memberi lebih tambahan peruntukan untuk Telekom ini.

Yang penghabisan sekali, sungguhpun saya telah bercakap di atas beberapa perkara, kadang-kadang boleh dikatakan mencerca sedikit sebanyak apa yang telah dijalankan oleh Kerajaan tetapi saya sendiri tahu iaitu tiada satu negeri di Asia yang lebih maju selepas kita dijajah oleh penjajah, tiada satu negeri di Asia ini atau South East Asia ini yang lebih maju lagi daripada negeri kita. Ini boleh kita lihat kalau kita pergi ke negeri-negeri jiran, apa kemajuan-kemajuan yang diperbuat oleh jiran-jiran kita dan apa yang kita telah buat, kita boleh lihat di Kuala Lumpur. Bagaimana Kuala Lumpur 20 tahun dahulu sebelum kita mencapai kemerdekaan dan selepas kita mencapai kemerdekaan. Kita lihat bangunan-bangunan yang mencakar langit. Kita lihat di kampung-kampung kita penuh dengan jalan-jalan, dengan elektrik-elektrik dan juga dengan klinik-klinik, sekolah-sekolah rendah dan menengah, kita juga kagum melihat pembangunan-pembangunan yang lain yang telah dijalankan oleh Kerajaan. Ini siapa pun tidak dapat menafikan melainkan pihak Pembang-

kang yang menafikan di atas kejayaan-kejayaan Kerajaan ini, itu apa boleh buat ia dipihak Pembangkang. Tetapi bagi pihak kita sebagai orang yang berfikiran waras dan orang luar yang datang ke negeri kita ini nampak betul-betul apa yang Kerajaan Barisan Nasional telah buat terhadap rakyatnya dan juga terhadap negara.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh yang telah menyediakan Budget untuk tahun hadapan terutama sekali kita tahu pada hari ini dia telah menyatakan iaitu wang disediakan untuk pertahanan lebih banyak lagi pada tahun 1980 oleh kerana keadaan-keadaan pada hari ini yang telah berlaku di Cambodia dan Laos maka keadaan ini membimbangkan kita maka kita terpaksa bersiap sedia di atas perkara ini.

Sekianlah sahaja dan saya ucapkan ber-banyak terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin.

*4.10 ptg.*

**Tuan Kamarul Ariffin bin Haji Mohamad Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, dasawarsa 80an akan menjelma tidak beberapa hari lagi. Dan kita akan meninggal decade 70an yang telah membawa banyak makna kepada negara yang kita cintai. Dalam tahun-tahun 70an kita telah menyediakan rancangan bagi masa depan negara kita. Kita telah mewujudkan Dasar Ekonomi Baru dan kita telah sampai ke peringkat kedua kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru itu. Dan pada tahun hadapan, tahun 1980, tahun pertama bagi decade baru sudah tentulah kita menghadapi satu babak baru. Dan bila saya memandang kepada belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, maka tidak dapat tidak saya fahami bahawa beliau telah meninjau jauh ke hadapan memandang ke arah masa depan negara kita dan kepada kesejahteraan rakyat yang bermastautin di negara kita.

Budget bagi tahun 1980 sudah tentu akan menjadi peneroka jalan kepada budget-budget yang akan disediakan bagi tahun-tahun yang berikut. Tahun 1980 juga akan menjadi tahun persediaan bagi kita membuat satu lagi rancangan pembangunan kita iaitu Rancangan Malaysia Yang Keempat, dan sudah

tentu apa yang yang diatur pada tahun 1980 mestilah ada sedikit sebanyak kaitan dengan tahun-tahun yang berikutan.

Yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah bagi Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mengenal masalah-masalah yang akan dihadapi memandangkan bukan sahaja ke dalam negara kita tetapi juga di luar negara di sekitar jiran-jiran kita dan juga kepada dunia luar. Dan beliau telah membentangkan belanjawan berdasarkan pengenalan masalah-masalah yang akan dihadapi. Itulah sebab saya telah berkata, semasa sesudah beliau mengemukakan belanjawannya pada bulan Oktober di Dewan Rakyat bahawa belanjawan bagi tahun 1980 adalah yang baik sekali yang pernah dikemukakan di Parlimen kita. Ini bukan kerana hendak memberi kesenangan sedikit sebanyak kepada orang ramai ataupun kepada kaum peniaga, lebih daripada itu beliau telah memandangkan jauh untuk menyediakan negara bagi mengatasi masalah-masalah ekonomi dunia yang mana mahu tidak mahu kita sama terlibat.

Sebelum saya melanjutkan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengikut Peraturan Mesyuarat membuat pengisytiharan kepentingan diri saya kerana saya juga menjadi Yang di-Pertua Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia dan juga Pengerusi Persatuan Bank-bank di Malaysia dan sudah tentu dalam ucapan saya, tidak boleh saya hendak larikan diri dari kedua-dua jawatan saya itu.

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan seperti tahun-tahun yang lepas sebelum beliau membentangkan belanjawan negara termasuklah kaum intelektual daripada institusi-institusi pelajaran tinggi kita, kaum wanita dan juga mereka yang terlibat dengan secara besar-besaran di dalam dunia perniagaan dan perindustrian atau dengan erti kata lain, mereka yang di dalam bidang swasta.

Seperti sama-sama kita maklum kejayaan negara kita ini banyak bergantung kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak swasta, dan saya bagi pihak swasta yang telah mengemukakan syor-syor kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mengucapkan ribuan terima kasih atas pandangan serius yang diberikan oleh beliau kepada hujah-hujah yang telah kami kemukakan bagaimana hendak menghadapi masalah ekonomi di dalam tahun 80an nanti.

Kami di dalam swasta berasa bangga kerana sebahagian besar daripada apa yang disyorkan telahpun diterima dan kami membuat syor-syor itu bukan hanya untuk kepentingan swasta sahaja tetapi kami memandangkan juga untuk kebaikan negara. Kami sedar tidak semuanya syor-syor yang dikemukakan itu boleh diterima atau patut diterima. Tetapi syukur Alhamdulillah, sebahagian besar yang telah kami syorkan itu tertera di dalam Belanjawan tahun 1980. Dan izinkan saya bagi pihak sahabat-sahabat saya yang terlibat di dalam bidang swasta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas penerimaan syor-syor kami itu.

Seperti kita sedia maklum strategi Belanjawan tahun 1980 mempunyai dua tujuan iaitu mendorong penumbuhan ekonomi dan satu lagi menentang inflasi. Kita juga telah mendengar ucapan beliau semalam di Dewan yang mulia ini bahawa negara-negara yang berdagang dengan kita menghadapi masalah besar dari segi ekonomi mereka pada tahun 1980 ini. Kalau tidak salah saya ramalan yang terakhir didapatinya dari segi negara Amerika Syarikat menunjukkan pertumbuhan ekonomi bagi negara itu pada tahun 1980 sekarang ini diramalkan bukan sahaja no growth atau negative growth tetapi tolak (-) iaitu -1.2%. Kita tidak hairan kalau angka itu merosot lagi. Dan begitu juga satu lagi negara yang disebutkannya, satu teman dagang kita yang terbesar iaitu United Kingdom. Negara itu diramalkan pertumbuhan ekonominya juga bawah daripada negative growth iaitu -0.7%. Ini sudah tentu sedikit sebanyak melibatkan kita.

Adakah wajar bagi Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan membuat sangkaan yang pertumbuhan bagi negara kita ini lebih daripada 6%? Bagi mereka yang membuat kajian dan bagi saya, saya yakin bahawa negara kita boleh mencapai pertumbuhan sedemikian, dengan syarat warganegara dan mereka yang bermastautin di negara kita ini sama-sama mengerti dan menghadapi masalah-masalah yang kita terpaksa hadapi.

Daripada strategi yang telah dibuat itu, daripada langkah-langkah fizikal yang telah disediakan saya yakin pertumbuhan sekurangnya 6% itu boleh dicapai walaupun negara-negara lain tidak mendapat apa-apa pertumbuhan ekonomi langsung.

Kita mesti juga mengerti dan menghadapi bukan sahaja masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara jiran dan negara-negara dunia lain tetapi juga masalah-masalah politik yang berlaku. Kita boleh membuat sangkaan pada tahun 1978 kita boleh membuat sangkaan bahawa kacau bilau dan kesusahan akan timbul di Asia Barat khususnya di negara Iran dan sudah pun berlaku dan kedudukan di Iran sedikit sebanyak mencetus kedudukan kita. Kedudukan di Kampuchea, kedudukan di sekitar kawasan kita, di sekitar Tenggara Asia sedikit sebanyak memang melibatkan bukan sahaja keutuhan politik kita tetapi juga keutuhan ekonomi negara kita, ini terpaksa kita menghadapi. Kalau dari segi pertumbuhan ekonomi kita boleh merancang sedikit sebanyak, kita boleh mengatur langkah-langkah yang patut kita ambil untuk mengatasi masalah-masalah yang akan timbul. Tetapi masalah politik mungkin timbul secara terkejut dan agak sukar kita hendak menghadapinya kecuali kita menyediakan langkah-langkah alternatif bagi mengatasinya. Kita tahu tidak berapa lama lagi, beberapa hari lagi negara-negara pengeluar minyak petroleum akan bersidang dan akan membuat keputusan yang mungkin akan menjejaskan lagi negara-negara maju yang bergantung kepada sebagai bahan untuk menjayakan negara mereka. Kita juga terlibat dan sudah tentu kita mesti atur alternative strategy kita supaya kita boleh menghadapi cabaran itu bila-bila sampai.

Decade 70an boleh dikatakan decade yang mana orang minyak sungguh berlagak, sungguh menguasai dunia. Banyak negara-negara dunia ketiga yang makin mundur ekonominya oleh kerana tindakan daripada negara-negara pengeluar minyak. Negara-negara besar boleh mengatur strateginya dengan cepat tetapi bagi negara-negara kecil khususnya negara-negara dunia ketiga maka agak sukar bagi negara itu untuk menyediakan langkah bagi membentasi atau menahan atau melawan akibat kenaikan harga minyak petrol. Saya tidak mahu jadi pak nujum hendak menunjukkan apa yang akan terjadi sekiranya kita tidak menyediakan langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah kenaikan harga minyak petrol. Hanya kita boleh bersyukur bahawa setakat ini kita masih lagi menjadi net producer dalam bidang petroleum, dan diharapkan negara-negara di kawasan negara kita masih mempunyai reserve petroleum yang begitu banyak. Ke-

rana dari setahun ke setahun keperluan tenaga yang dikehendaki oleh negara kita khususnya di dalam bidang swasta bertambah naik dari sepatutnya.

Kerajaan juga menyediakan satu strategi jangka panjang bagaimana kita hendak menghadapi masalah tenaga ini. Kita tidak boleh lagi membuat tindakan secara ad hoc. Kita tidak boleh lagi mengambil langkah-langkah yang sedemikian. Kita patut menyediakan satu strategi jangka panjang sehingga kepada tahun 2,000 dan ke atas bagaimana kita hendak menghadapi masalah tenaga nanti. Ini bukan sahaja negara kita yang akan mengalami kesuntukan minyak tetapi negara-negara lain juga dan jikalau negara-negara lain tidak mempunyai bahan tenaga, dan tidak mempunyai alternatif sudah tentu kita juga terlibat bersama nanti kerana dunia sekarang ini tidak lagi seperti dunia yang katak di bawah tempurung. Apa yang kita buat ada kesan pada negara lain, apa negara lain buat ada kesan kepada negara kita. Tetapi itulah sebabnya saya minta sekiranya belum lagi ada satu dasar tenaga bagi negara kita, masanya belum lambat lagi bagi kita memikirkan dasar itu. Kalau kita terpaksa menggunakan tenaga nuklear kemukakanlah kepada rakyat, itu tidak menjadi masalah. Kalau kita mempunyai reserve arang batu yang mencukupi, mungkin itu satu sumber. Sumber gas cecair ataupun gas asli satu lagi.

Saya telah berkata di Dewan yang mulia ini dahulu bahawa patut kita membuat research atau kajian dalam bidang tenaga menggunakan cahaya matahari. Mungkin wangnya lebih banyak sedikit kalau diberikan sekarang ini saya rasa tidak sia-sia nanti. Lainlah kalau kita boleh mengatakan yang tenaga minyak kita tak habis-habis, itu memang tidak betul. Kajian telahpun dibuat oleh pakar-pakar bahawa supply bagi tenaga yang datang daripada bahan minyak akan menjadi masalah besar dalam tahun-tahun 2000 nanti dan biarlah kita bersedia daripada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kita hendak bersama-sama menjayakan seruan yang dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semalam supaya rakyat jelata bersama-sama membantu Kerajaan mengatasi inflasi dan menghadapi apa-apa cabaran yang akan datang pada tahun 1980 mestilah kita pandang dengan berat, janganlah ini menjadi seruan kosong sahaja.

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mengatakan semua rakyat dan selalunya bila seruan sedemikian dibuat kita mengatakan seruan itu dibuat kepada orang lain, tidak kepada kita, kita tidak termasuk, itu kelaziman manusia; it applies to you but not to me. Ini dia perkara yang saya hendak mengambil masa sedikit, kepada siapa seruan itu dibuat dan betapa seriuskah patut kita memandang teguran yang dibuat itu.

Seruan itu dibuat kepada kita, Ahli-ahli Parlimen, kepada Pegawai-pegawai Kerajaan, kepada guru-guru, kepada murid-murid, kepada majikan, kepada pekerja, kepada semua orang dan di sinilah rasa saya patut kita menoleh sebentar bertanya sama ada kita telah bersedia menghadapi cabaran itu. Kalau Kerajaan meminta supaya kita berjimat cermat, sanggupkah kita berjimat cermat ataupun bila kita rasa nafsu hendak memboros kita berbuat demikian kerana peluang memboros memang banyak apabila kita meluluskan Undang-undang nanti kerana ada yang dikatakan mendapat bonus, iaitu dengan tidak membayar cukai yang lebih banyak seperti yang dibayar pada tahun 1979. Jadi ini terpaksa kita menyakinkan kita semua bahawa seruan itu bukannya seruan kosong, seruan yang patut diambil berat oleh setiap warganegara kita jikalau kita hendak menjayakan Belanjawan tahun 1980, kalau kita hendak menentukan bahawa tahun 1980 dan tahun yang berikut nanti kita akan boleh menentang, bukan sahaja inflasi tetapi juga meninggikan penubuhan ekonomi negara.

Saya rasa perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak diambil berat sangat. Ini boleh dikatakan disiplin rakyat, baik sama ada disiplin kepada kita semua sebagai Ahli-ahli Parlimen, kepada Menteri-menteri sendiri, kepada guru-guru atau kepada murid-murid, kepada kaum-kaum peniaga, ini yang telah menjadi satu tanda tanya kepada saya sama ada kita telah ber-sungguh-sungguh hendak menjayakan disiplin itu. Saya berasa tidak senang hati bila kita melihat masalah ini, masalah pelajar-pelajar, masalah guru-guru. Bolehkah kita mengatakan yang disiplin yang kita hendak kenakan kepada mereka itu sudah mencukupi dan berkepuasan?

Dahulu di Dewan yang mulia ini saya telah mengatakan, bukan sebagai seorang pakar dalam bidang pendidikan tetapi sebagai

rakyat biasa, bahawa kenaikan darjah bagi murid-murid di tiap-tiap tahun secara otomatis patut dihapuskan, tidak patut seseorang murid yang tidak lulus yang tidak mengerti dinaikkan ke tingkatan yang atas secara otomatis. Saya tidak bercakap sebagai seorang pakar, kalau tak salah saya, saya bercakap ini pada tahun 1971 di Dewan yang mulia ini. Baru-baru ini seorang pakar, seorang ahli pendidikan telah membuat seruan yang sama. Inilah perkara-perkara yang rasa saya patut Kementerian-kementerian tertentu, Jabatan-jabatan yang tertentu mengkaji supaya disiplin rakyat yang saya maksudkan itu dapat diserapkan kepada semua dan tidak ada tempat yang lebih baik sekali bagi kita menyerapkan lain daripada murid-murid yang masih mentah lagi, yang boleh dilentur lagi yang masih ada di bangku sekolah, kalau sudah tua itu barangkali susah sedikit. Kalau kita hendak mendisiplinkan seseorang yang sudah dewasa banyak rungutan. Di sinilah rasa saya sekali lagi saya suka membuat seruan supaya disiplin mengerti masalah yang dihadapi oleh kita disemaikan kepada anak-anak muda kita yang masih lagi di dalam bangku sekolah.

Saya juga suka menunjukan seruan ini kepada segolongan yang lain, kepada pekerja, baik sama ada pekerja di dalam bidang swasta ataupun bidang Kerajaan. Bila kita diberi satu tugas atau satu kerja setakat manakah dedikasi kita, setakat manakah kesanggupan kita membuat kerja lebih daripada apa yang disuruhkan kepada kita. Ini menunjukkan disiplin kita. Saya rasa tak ada banyak negara-negara yang rakyatnya berdisiplin seperti itu. Apa yang saya nampak rakyat Jepun, rakyat Jerman memang mempunyai disiplin sedemikian dan sekarang ini rakyat Singapura sedang mengikut, bagaimana pula kita? Kita tidak mahu, rasa saya biarkan rakyat kita, cuba ilat, kalau dia boleh, kita mahu yang rakyat kita menghadapi pekerjaan yang diberi kepadanya dengan penuh dedikasi, bukan kerana dia disuruh, bukan kerana gaji yang diberi, lebih daripada itu. Inilah semangat yang rasa saya patut kita tanamkan ke dalam hati sanubari tiap-tiap pekerja, tiap-tiap rakyat kita, baik daripada Menteri sampailah kepada buruh kasar, bagaimana hendak kita menyampaikan ini? Saya tak tahu. Saya harap cerdik pandai kita, ahli-ahli pendidik kita dapat bersama-sama mencari jalan bagaimana hendak mengatasinya. Bila kita kajikan di dalam swasta ataupun di dalam Kerajaan

sendiri kita tengok prestasi (performance) sesuatu projek, sesuatu tugas yang diberi tidak sampai kepada peringkat yang kita harapkan.

Saya bimbang masalah yang kita hadapi nanti, masalah yang negara hadapi nanti ialah prestasi (performance) kita, keupayaan kita untuk melaksanakan perkara-perkara yang telah kita sediakan untuk dijalankan. Kalau rakyat kita tidak mempunyai disiplin sedemikian kerja yang sepatutnya dibuat hanya dibuat 50%, yang 50% lagi masanya mungkin dihabiskan dengan perkara-perkara yang membazir sahaja. Ini mungkin kita mencontohi separuh daripada negara-negara yang lain. Kita patut membuat target. Kalau sesuatu tugas itu hendak dibuat kita berikan targetnya dan kalau kita pandang kepada syarikat-syarikat yang maju sebagai contoh, selalunya tiap-tiap syarikat ada budgetnya dan syarikat yang baik itu selalunya melebihi targetnya, melebihi budgetnya. Inilah yang patut kita amalkan dalam semua bidang tetapi bila saya dengar daripada apa yang dicerita-ceritakan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin kita ini satu perkara yang kita terpaksa timbangkan dalam menghadapi cabaran dalam tahun 1980. Keupayaan kita untuk memenuhi perkara-perkara yang telah kita jadualkan, bolehkah kita laksanakan perkara-perkara itu dan kalau kita tidak boleh laksanakan, di manakah salahnya?

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini sahabat saya Puan Rahmah Othman semalam telah bertanya kepada salah seorang daripada Menteri berkenaan dengan sama ada, kalau tidak silap saya, ada dasar atau tidak bagi mengatasi mereka yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah. Soalannya senang sahaja tetapi daripada jawapannya rasa saya putar-belitnya sampai saya pun hilang apakah dasar yang Kerajaan sekarang mengamalkan. Ini patut kita bertanya. Dasar itu biar jelas. Kalau tidak salah saya semasa zaman Allahyarham Tun Abdul Razak sendiri beliau sering berkata iaitu beliau berkehendakan negara ini menjadi "home-ownership democracy", yang beliau mahu tiap-tiap rakyat mempunyai tempat berlindung, rumahnya sendiri bukannya rumah robek atau rumah kilat yang dibuat dengan sekelip mata sahaja. Ini memerlukan strategi, memerlukan satu perkiraan yang terperinci bagaimana hendak mengatasi masalah yang sedemikian. Untuk

menyediakan rumah-rumah bagi rakyat ini bukan perkara baru. Banyak negara-negara lain telah menyediakan perkara itu.

Semalam kalau tidak salah saya jawapan yang diberinya kalau kita buat begitu seratus tahun pun belum tahu lagi. Seratus tahun kalau kita hendak menunggu baru dasar sedemikian boleh dilaksanakan apa dasarnya begitu. Itu menunjukkan Kerajaan tidak mempunyai dasar. Saya rasa hendak menyediakan satu dasar perumahan tidak begitu susah. Bagi mereka yang berpendapatan tinggi atau sederhana masalah itu tidak begitu sukar. Bagi mereka yang berpendapatan rendah mungkin sukar sedikit tetapi itu semua boleh diaturkan tetapi setakat ini apa yang telah diaturkan selain daripada mengatakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga kita hendak membina sekian banyak rumah. Tetapi kita tahu tidak sampai begitu banyak yang telah dibina. Ini menunjukkan dasar sedemikian tidak begitu jelas. Kalau kerjasama yang dikehendakkan oleh badan-badan lain untuk mengatasi masalah ini, badan-badan itu sedia berbuat demikian.

Baru-baru ini Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sendiri telah mengumumkan bahawa pihak bank-bank swasta juga akan membantu untuk membolehkan rakyat berpendapatan rendah memiliki rumahnya sendiri. Bagi pihak bank saya suka menyatakan ini kita terima. Kita telah mencadangkan bahawa seseorang yang hendak memiliki rumah itu mestilah memiliki dengan seawal-awalnya semasa beliau bekerja. Boleh jadi semasa beliau berumur 18 tahun, mula-mula masuk bekerja dengan pasaran pekerjaan dari bukan menunggu sehingga seseorang itu sudah berumur 30 tahun baru hendak mencari rumah. Kalau 30 tahun dia hendak meminjam selama 25 tahun tidak sempat beliau hendak membayar balik. Jadi ini memerlukan satu kerjasama yang rapi di antara pihak-pihak yang berkenaan khususnya Kementerian yang bertanggungjawab dalam masalah ini dengan institusi-institusi lain yang ada kaitan.

Setakat ini saya belum nampak ada kerjasama sedemikian dan kita biarkan sahaja siapa hendak buat rumah, buat; mana developer yang sanggup kita bagi lesen buat begitu. Nampaknya dasar ini tidaklah begitu teliti dan saya rasa perkara sedemikian patutlah diperbaiki.

Kalau kita berazam yang tiap-tiap rakyat kita mempunyai rumah yang kita boleh anggapkan sebagai rumah, bukannya pondok, kita boleh mencari jalan mengatasi perkara ini.

Saya pernah melihat di negara Libya yang mana rumah lebih daripada penduduknya boleh berlaku sedemikian. Sekarang ini sungguhpun ada kalau tidak salah saya pengumuman baru-baru ini untuk membantu mereka yang memiliki rumah di desa-desa—di kampung-kampung. Saya rasa bila kita menghadapi masalah perumahan ini tidak ada bezanya di antara orang kampung dan orang bandar. Semuanya berkehendakkan rumah yang selisa, tidak saya mengatakan rumah yang besar bertaraf istana—tidak tetapi rumah yang selisa, rumah yang mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang menasabah dan patut kita mengarahkan juga pandangan kita terhadap memperbaiki kedudukan rumah-rumah di desa-desa.

Boleh jadi pada separuh orang rumah-rumah di desa itu romantik, cantik, dengan pokok pisang, dengan pokok kelapa, dengan pokok manggisnya, tetapi kalau rumah itu tidak selisa saya rasa kita belum lagi boleh mengatakan yang kita telah mencapai taraf hidup yang sempurna dan kita hendak beri ini kepada semua rakyat kita baik di bandar, baik di luar bandar. Saya bersama-sama dengan sahabat-sahabat saya memang tidak mahu tengok lagi rumah-rumah haram yang timbul seperti cendawan. Itu memang satu pandangan yang memarahkan kita tetapi apakah langkah-langkah, apakah strategi-strategi yang telah disediakan bagi mengatasi masalah ini? Itu belum jelas pada saya. Saya tidak tahulah sama ada itu sudah jelas pada Tuan Yang di-Pertua atau sahabat-sahabat saya lain di dalam Dewan ini. Ini mengambil satu contoh.

Ada satu lagi contoh disiplin yang rasa saya inisiatifnya patut datang daripada Kerajaan, timbul daripada perbahasan dalam Dewan yang mulia ini semalam juga. Kalau tidak salah saya satu soalan telah dikemukakan bertanya berkenaan dengan kelemahan-kelemahan atau kegagalan-kegagalan kontraktor-kontraktor bumiputra dibandingkan dengan kontraktor-kontraktor bukan bumiputra. Siapa yang mendengar jawapannya semalam memang sedih. Hampir 80% hingga 90% kontraktor-kontraktor yang gagal itu datangnya daripada kontraktor-kontraktor bumiputra dan bila ditanya dalam soalan

tambahan apa sebabnya, Yang Berhormat Menteri memberi sebab-sebabnya. Saya rasa memberi sebab-sebabnya tidak cukup. Bila sebab-sebab itu telah dikenali mestilah dicari jalan bagaimana hendak mengatasi sebab-sebab itu dan kerjasama patutlah diperolehi daripada orang-orang yang berkaitan dalam bidang ini untuk mengatasi sebab-sebab itu. Tetapi setakat ini nampaknya tidak ada inisiatif yang datang untuk mengatasi sebab-sebab yang sudah ditahu itu. Ini menunjukkan inisiatif, ini menunjukkan disiplin yang dimaksudkan oleh saya tadi ditujukan bukan sahaja kepada rakyat biasa, kepada Menteri juga tetapi kalau semua rakyat daripada peringkat atas ke bawah menerima ini dengan mahu tidak mahu sahaja, dengan indah tidak indah sahaja, saya rasa kita menghadapi masalah besar pada tahun-tahun yang ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi satu-satu negara dapat mengatasi apa-apa juga masalah baik masalah politik ataupun masalah ekonomi tergantung kepada keupayaannya, dedikasinya, kebolehannya mengatasi masalah ini. Kita terpaksa menjadi kata orang tingkat lebih daripada orang lain. Itu sebenarnya perbezaan di antara orang berjaya dengan orang tak berjaya; antara seorang tycoon dengan separuh tycoon atau tycoon pretender.

Banyak yang kita boleh katakan orang yang berjaya tetapi yang sebenarnya berjaya kita tahu. Jadi bila kita teliti apakah unsur-unsur yang membezakan di antara satu dengan dua pihak, kita dapati bahawa orang itu one step ahead of the others. Jadi inilah yang kita mahu negara kita bertindak sedemikian, inilah yang kita mahu bawa rakyat kita bertindak begitu—one step ahead of the others.

Kalau rakyat kita tidak mempunyai disiplin, tidak sanggup mempertahankan, tak ada beza kita dengan rakyat lain yang tak maju. Kita maju bukan sahaja dengan kebijaksanaan Kerajaan menyediakan strateginya tetapi juga sokongan yang diberi oleh rakyat sendiri, rakyat itu terpaksa kita didik. Inilah masalah besar pada saya yang negara hadapi sekarang untuk mendisiplinkan tiap-tiap rakyat di negara kita supaya mengerti dan dapat menghadapi masalah dan cabaran-cabaran pada tahun-tahun yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.52 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.11 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

*5.11 ptg.*

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Dewan berehat tadi, saya telah menyentuh berkenaan dengan perlunya bagi rakyat kita sekiranya kita hendak mempertahankan memperbaiki kedudukan kita bagi tahun-tahun lapan puluhan supaya berada di tapak tinggi daripada orang-orang lain. Dan ini juga saya suka tujukan kepada golongan-golongan profesional kita kerana mereka di dalam golongan profesional ini dianggap ataupun diharapkan sebagai menunjukkan contoh buat tauladan bagi mereka dalam bidang-bidang lain. Tetapi bolehlah dikatakan dalam masa ke belakang ini golongan profesional di negara kita ini—dan saya bercakap ini dengan perasaan yang sangat dukacita—bolehlah dikatakan tidak begitu profesional bila mereka menghadapi tugas-tugas mereka. Baik doktor (saya tujukan kepada doktor swasta khususnya), baik engineer, baik peguam, baik guru-guru atau siapa juga yang terlibat di dalam bidang profesional, nampaknya mereka ini tidaklah begitu profesional seperti yang kita harap-harapkan. Ini satu perkara yang memang mendukacitakan.

Kalau dahulu seseorang itu dianggap sebagai profesional, seperti peguam umpamanya, kita boleh harap yang beliau akan membela dengan sebaik-baiknya bayaran perkara lain; tugasnya yang penting. Begitu juga doktor, kalau dia tidak dapat duit tidak apa, asalkan dia dapat menyelamatkan nyawa seseorang. Begitu juga engineer. Tetapi sekarang ini bolehkah kita mengatakan mereka itu ada ditaraf professionalism seperti yang kita harap-harapkan? Begitu juga banker. Tadi ada teguran daripada sahabat saya mengatakan mereka yang kononnya mengatakan dirinya seorang banker tidak menjalankan tugas-tugasnya dengan sebaik-baiknya seperti seorang banker. Ini

menunjukkan taraf professionalism seseorang profesional itu di negara kita. Ini patut kita sedari, bukan kepada mereka.

Pada saya bila seseorang itu menganggapnya sebagai seorang profesional seorang yang mempunyai ikhtisas tertentu, mestilah dia berlagak dan beraksi sedemikian dan kita tidak mahu lebih kurang daripada itu. Kita tidak mahu profesional yang setengah steam sahaja. Kalau begitulah berlaku kedudukan sedemikian maka ini akan menjejaskan keutuhan negara kita.

Saya selalu mendengar cerita-cerita engineers yang kononnya bertugas untuk memeriksa supaya bangunan-bangunan itu selamat dan sebagainya dan mereka datang dengan hendak tidak hendak sahaja, kadang-kadang tidak pergi pun ke tempat itu, cuma sign sahaja mengatakan yang itu elok. Seperti seorang engineer untuk mengesahkan yang wayar-wayar elektrik yang dibuat di rumah itu memang telah dibuat dengan baik tetapi dengan sogokan dan sebagainya mereka itu datang pun tidak, tetapi mereka sanggup menurunkan tandatangan di atas certificate. Ini menunjukkan professionalism yang telah merosot dan kita tidak boleh benarkan perkara itu berlarutan.

Begitu juga dengan guru-guru. Kalau guru-guru pergi ke sekolah kerana itu tugasnya datang daripada pukul 7.30 pagi hingga pukul 1.00 tengahari tetapi tidak mempunyai hati dan dedikasi yang sebaik-baiknya untuk mengajar murid-murid apa jenis guru itu? Inilah yang saya maksudkan dengan professionalism tadi.

Begitu juga kalau kita sebagai Wakil Rakyat kalau kita tidak menjalankan tugas-tugas kita sungguhpun agak perit bagi kita hendak mengeluarkan, kita tidak bertaraf professionalism dan patut kita dikutuk. Saya rasa bagi negara kita hendak betul-betul berjaya dan boleh duduk setaraf dengan negara-negara yang bertamadun tinggi maka tidak boleh tidak rakyat kita mestilah berdisiplin, mereka yang ditugaskan menjalankan tugas-tugas hendaklah menjalankan secara professionalism. Maka dengan itu bolehlah dikatakan masa hadapan kita adalah cerah.

Tuan Yang di-Pertua, bila meninjau kedudukan negara kita, kita tidak boleh seperti saya kata awal tadi mengeneipkan negara-negara lain. Tetapi sebaliknya juga kita tidak boleh harapan sangat kepada negara-negara

lain itu. Semuanya itu manis di bibir sahaja. Kalau dalam Persidangan Bank Dunia baru-baru ini dan pada tahun-tahun yang lepas, sering kita mendengar tiap-tiap wakil berkata salah satu cara yang patut dielakkan untuk menjamin supaya ekonomi dunia tidak merosot ialah bagi negara-negara tidak mengamalkan perlindungan (protection). Boleh dikatakan semuanya berkata begitu tetapi negara itu sendiri mengamalkan. Itulah sebab saya katakan manis mereka di bibir sahaja. Jadi terpaksalah kita menentukan siapakah kawan kita, siapakah kawan jujur kita, siapakah kawan-kawan yang boleh kita anggap sebagai kawan sahaja tetapi tidak kawan setia. Ini penting dan kita menghadapi mereka dengan memberi ubat yang sedemikian kepada mereka itu.

Kita memang hendak berkawan baik dengan tiap-tiap negara, kita hendak menjalinkan hubungan rapat dengan semua negara. Tetapi ada negara yang hanya pandai bermain di bibir sahaja, yang berpura-pura sahaja. Di sinilah sepatutnya kita pandai memilih dengan baik siapa kawan setia dan siapa kawan biasa. Di sini rasa saya kawan setia kita yang tidak boleh kita hendak lari ialah jiran-jiran kita sendiri dan saya maksudkan dengan negara-negara ASEAN.

Di sinilah letaknya masa depan kita bagi tahun 80an, 90an, tahun 2,000 dan seterusnya. Kawan-kawan setia kita di dalam ASEAN akan menjadi benteng pertumbuhan bagi negara kita sendiri. Sungguhpun ASEAN telah wujud semenjak tahun 1967 dan hanya beberapa tahun yang lepas sahaja maka perkara ini agaknya berkembang sedikit tetapi boleh dikatakan banyak lagi perkara-perkara yang patut diperluaskan.

Di dalam bidang swasta, perdagangan di antara satu negara ASEAN dengan satu negara ASEAN memanglah mendukacitakan. Ini patut ditambah dengan banyak dan dipertingkatkan lagi. Saya sedar banyak masalah yang dihadapi oleh Kerajaan kita. Perundingan tarif di antara satu negara dengan satu negara terpaksa diadakan. Ada negara yang tidak mahu menurunkan tarifnya takut pasarannya terjejas. Inilah perkara yang pada hemat saya patut kita utarakan kepada pemimpin-pemimpin dalam ASEAN bahawa masa depan mereka terdiri dengan kekuatan negara ASEAN keseluruhan. Kalau negara lain tidak mahu berdagang dengan kita, hendak gunakan polisi protectionist atau perlindungannya gunakanlah sekurang-kurangnya

kita ada pasaran dalam negara kita ASEAN. Itulah sebabnya maka penting kita mempertingkatkan lagi, memperbanyakkan lagi hubungan-hubungan di antara negara-negara ASEAN.

Sekarang ini tidaklah boleh dikatakan yang perhubungan itu, perantaraan di antara negara-negara ASEAN itu sudah begitu rapat. Sungguhpun kemudahan-kemudahan sudah diberi kepada pelancang-pelancang pergi ke satu negara ASEAN ke satu negara tanpa visa dan sebagainya; ini belum mencukupi. Lawatan-lawatan rasmi oleh Ahli-ahli Parlimen umpamanya boleh dikatakan sangat terhad. Apa yang berlaku setahun sekali mungkin lima orang daripada Ahli Parlimen Malaysia pergi melawat ke satu negara ASEAN menghadiri mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Organisation. Itu tidak mencukupi, kita memerlukan banyak lagi lawatan dan kunjungan-kunjungan muhibbah di antara pemimpin-pemimpin kita termasuklah Ahli-ahli Parlimen daripada Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan daripada Ahli-ahli Dewan Negeri berhubung dengan rakan sejawatnya di negara-negara ASEAN yang lain. Ini penting. Jikalau di peringkat atas sahaja, Menteri-menteri sahaja saya rasa tidak mencukupi. Kita perlu hubungan rapi itu daripada bawah hingga ke atas daripada anak-anak, murid-murid sekolah sehinggalah kepada bapak Menteri dan kita mesti menggalakkan itu dari sekarang. Mereka di dalam bidang swasta perhubungan ini sudah berjalan dengan rapi tetapi seperti yang kita sedia maklum pihak swasta tidak boleh bergerak lebih daripada Kerajaan Bergerak, tidak boleh depan daripada Kerajaan. Jadi Kerajaan terpaksa mengorak langkah merintis jalan membolehkan pihak swasta mengikutnya dan bila saya pandang kepada progres atau kemajuan dalam bidang swasta ini, saya tidaklah boleh mengatakan progres itu atau kemajuan itu boleh menggembirakan. Agaknya masih lambat lagi perjalanannya. Saya sedar memang banyak masalah dan saya rasa dengan adanya banyak lagi perhubungan di antara penduduk-penduduk di dalam wilayah ASEAN, adanya banyak lagi perhubungan perdagangan di antara negara-negara ASEAN dan banyak lagi rundingan atau trade negotiation di antara negara-negara ASEAN dan bagi separuh daripada anggota-anggota negara ASEAN membuat sedikit sebanyak pengorbanan, maka saya percaya masa depan wilayah ini adalah baik dan cerah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semalam beliau telah menyatakan dan berharap pihak swasta memainkan peranannya yang penting untuk menjayakan Belanjawan bagi tahun 80an. Saya sukalah memberi akuan di Dewan yang mulia ini bahawa kami di dalam pihak swasta memang menerima cabaran itu. Seperti saya nyatakan awal tadi kita telah mengemukakan syor-syor yang pada pendapat kita boleh membantu keutuhan ekonomi negara bagi tahun 80an dan seterusnya, di antara syor-syor yang kami kemukakan dan telah diterima dan telah menjadi dasar bagi Belanjawan tahun 80an ini termasuklah kekurangan di dalam cukai pendapatan bukan sahaja untuk orang perseorangan tetapi juga untuk syarikat-syarikat. Saya rasa tiada orang yang tidak gembira dengan pengurangan cukai pendapatan perseorangan. Saya telah beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini mengatakan masanya sudah sampai bagi kita mengubah cukai itu kerana cukai ataupun kadar itu telahpun menjadi basi kerana ukuran yang dibuat itu pada tahun-tahun yang begitu lama, pada tahun 1947 dahulu, kalau tidak salah saya. Jadi kali ini seruan itu nampaknya telahpun diterima dan akan menjadi dasar baru bagi cukai pendapatan perseorangan.

Bagi cukai pendapatan syarikat-syarikat, Yang Berhormat Mulia telah mengumumkan sebagai satu insentif beliau sanggup mengurangkan cukai kadar 5% ataupun lima mata peratusan dari cukai pendapatan syarikat sebanyak 40% dan sungguhpun pengumuman itu dibuat pada bulan Oktober tetapi butir-butirnya tidak diumumkan sehinggalah petang semalam. Sebenarnya pihak swasta telahpun bersedia hendak berjumpa dengan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan untuk mendapatkan penjelasan dalam masalah ini. Saya bersyukur kerana pada petang semalam beliau telah menerangkan dengan jelas apa yang dimaksudkan dengan galakan cukai untuk penyusunan semula.

Saya telah dapat mengkaji dengan telitinya maksud pengurangan cukai sebanyak lima mata peratusan dari cukai pendapatan syarikat sebanyak 40% ini dan saya rasa ini adalah satu pendorongan bagi syarikat-syarikat menyusun semula syarikat-syarikatnya dan pada keseluruhannya ini adalah satu langkah yang baik dan juga diterima baik oleh pihak swasta.

Saya percaya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sendiri sedar masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat dan itulah sebabnya saya rasa beliau telah membuat insentif seperti yang tertera di dalam ucapan beliau semalam.

Beliau juga telah menyentuh sedikit berkenaan dengan kedudukan kewangan dan peranan-peranan bank swasta semasa menghadapi masalah ekonomi pada tahun hadapan. Oleh kerana saya telah pada awal tadi membuat pengumuman pengisytiharan kepentingan diri saya di dalam masalah ini, saya sukalah menyatakan bahawa bank-bank swasta memang bekerjasama dengan Kerajaan untuk menentukan supaya inflasi tidak berlarian dan kita dapat mengawal inflasi kepada satu taraf atau kadar yang menasabah. Di sini kami rasa 5% sangatlah menasabah memandangkan kedudukan dunia lain dan juga untuk menentukan supaya pertumbuhan ekonomi berjalan dengan baik dan menyediakan semua keperluan kewangan. Kita bolehlah dianggapkan satu negara yang yunik di zaman ini, dewasa ini. Kalau kita memandangkan kadar faedah ataupun prime-rate kita yang dikenakan oleh bank-bank swasta, ini boleh dikatakan salah satu yang rendah di dunia ini.

Semalam saya tidak ingat sama ada beliau kata atau tidak, tetapi bolehlah saya katakan kalau di Amerika Syarikat 15%; kalau di United Kingdom 17½%, sekarang ini berbanding dengan 7.5% bagi negara kita. Ini menunjukkan yang kerjasama pihak bank swasta memberi terhadap rancangan Kerajaan menjayakan ekonomi negara dan kami dalam bank-bank swasta memang sedar bahawa peranan bank sangatlah penting bagi membantu Kerajaan menjayakan dasar ekonominya khususnya belanjawan negara. Sungguhpun sekarang ini bank-bank mempunyai kebebasan menetapkan kadar faedahnya sendiri, tetapi bolehlah saya menyatakan bahawa bank-bank di Malaysia ini menjalankannya dengan kebijaksanaannya. Mereka tahu apa yang sepatutnya dan mereka tahu apa yang tidak sepatutnya. Saya memberi akuan bahawa bank-bank tempatan akan memainkan peranannya dengan sebaik-baiknya membantu rakyat dan negara menghadapi masalah ekonomi bersama-sama.

Seruan yang dibuat oleh sahabat saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi berkenaan dengan rasuah yang berlaku di dalam kalangan bank. Itu memang dikutuk oleh bank-bank sendiri. Dalam masalah

rasuah ini kita tidak boleh hanya memegang kepada satu pihak sahaja, kalau tidak ada orang yang menyogoknya maka tidak ada orang yang hendak menerimanya. Jikalau ada orang yang menyogoknya dan dia tidak sanggup membawa ke hadapan, maka rasuah akan berlarutan bukan sahaja di bank bahkan di mana-mana sahaja. Kita telah beberapa kali berbahas di dalam Dewan ini berkenaan dengan masalah rasuah dan tidak ada bezanya rasuah di bank dengan rasuah di jabatan Kerajaan. Kalau ada perkara itu berlaku, timbukan dan kemukakan kepada pihak yang berkenaan. Kalau ada perkara itu berlaku di bank saya sendiri, kemukakan kepada saya; bagi saya, saya tidak mempunyai belas kasihan kepada mereka yang menjalankan tugas-tugas yang derhaka itu. Saya berharap langkah-langkah yang keras juga diambil oleh semua orang yang bertanggungjawab. Kalau kita hendak menghapus rasuah mestilah dijalankan oleh semua pihak. Jikalau perasaan itu tidak timbul daripada orang ramai maka rasuah tidak berlaku di peringkat yang hendak menerimanya. Ini menjadi penyakit hampir sama dengan penyakit kanser dan jikalau tidak dibendungkan, maka penyakit ini akan merebak dan saya harap jikalau ada berlaku tindakan-tindakan rasuah di mana-mana bank sekalipun, kemukakanlah kepada pihak yang berkenaan ataupun kepada Persatuan-persatuan Bank dan saya memberi jaminan bahawa tindakan sekeras-kerasnya akan diambil.

Bank juga mempunyai maruah dan kami bank-bank di Malaysia memang berbangga yang kita mempunyai satu imej yang baik dan kita tidak mahu yang imej ini dijatuhkan. Saya harap dan saya meminta kerjasama rakyat semua termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau ada berlakunya perbuatan yang keji yang sedemikian, janganlah malu-malu hendak kemukakan. Jikalau ada orang yang terkena biarlah dia diseretkan ke mahkamah, biarlah dia di penjara. Saya rela perkara itu berlaku kerana kalau kita tidak membanteraskan perkara begitu maka ini menjadi penyakit yang merebak dan akan menghancurkan tatatertib dan disiplin rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengambil masa yang agak panjang dan saya sangat berterima kasih atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua, memberi masa kepada saya. Saya sekali lagi dengan perasaan yang penuh gembira menyokong Rang Undang-undang

Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bagi tahun 1980.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel.

*5.40 ptg.*

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Belanjawan Persekutuan untuk tahun 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia pada bulan Oktober di Dewan Rakyat, semalam di Dewan Negara dan juga taklimat yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada pagi tadi kepada Yang Berhormat Senator-senator menunjukkan bahawa negara kita adalah makmur, keadaan politiknya amat stabil dan keadaan negara kukuh. Semuanya ini, menunjukkan pimpinan kebangsaan adalah amat jujur dan berdedikasi.

Saya telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan di kedua-dua Dewan lebih kurang 10 kali dan jika dibandingkan Belanjawan tahun 1980 ini tidak boleh dibandingkan dalam Tenggara Asia ini. Saya mengambil peluang di sini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan seterusnya kepada Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya harap negara kita akan terus maju dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya minta izin untuk menarik perhatian berkenaan dengan dasar luar negeri mengenai sengketa di Kampuchea, ASEAN, Bangsa-bangsa Bersatu dan sokongan Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan yang telah jatuh iaitu Kerajaan Pol Pot. Saya ingin tahu, mengapa dan fasal apakah kita memberi sokongan kepada Kerajaan Pol Pot yang telah jatuh itu, bukankah dasar Malaysia kita biasanya memberi sokongan kepada mana-mana pihak yang memerintah sahaja. Fasal apa pada kali ini Kerajaan Malaysia memberikan sokongan kepada sebuah Kerajaan yang telah dijatuhkan oleh Kerajaan Heng Samrin. Begitu juga pertubuhan ASEAN turut memberi sokongan kepada Kerajaan Pol Pot. Pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, sokongan oleh Kerajaan Malaysia dan ASEAN kepada Kerajaan Pol Pot telah menimbulkan satu perasanaan permusuhan kepada Kerajaan Vietnam dan Soviet Union.

Mengapa kita mengheret negara kita kepada perkara ini yang begitu hebat di dalam keadaan Tenggara Asia ini. Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri telah memberikan sokongan yang begitu besar kepada Kerajaan Pol Pot di persidangan negara-negara berkecuali di Havana, Cuba baharu-baharu ini.

Saya harap Kerajaan Malaysia yang saya cintai ini akan dapat memberi satu keterangan yang terus terang, fasal apa pendirian Malaysia jadi begitu iaitu menyokong sebuah Kerajaan yang telah jatuh. Baharu-baharu ini Kerajaan British telah menarik balik sokongan yang telah diberi kepada Pol Pot. Sebagai Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan Heng Samrin adalah disokong oleh Soviet Union dan Kerajaan Pol Pot ini pula disokong oleh Republik Rakyat China, jadi sekarang komunis antara komunis telah berlaga dalam kawasan ini. Allahyarham Tun Haji Abdul Razak pernah mencadangkan supaya kawasan Tenggara Asia ini biarlah bebas, aman dan berkecuali tetapi sekarang mengapa pula kita memberikan sokongan kepada Kerajaan Pol Pot dan tidak mahu mengikut cadangan untuk menjadikan kawasan ini bebas, aman dan berkecuali? Sebab itulah perasaan permusuhan telah timbul antara Kerajaan Vietnam dan Soviet Union terhadap ASEAN keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya ingin tahu, semasa lawatan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ke Soviet Union, Kerajaan Soviet Union ada mengirim satu perjanjian kepada Kerajaan Malaysia untuk dihantar kepada Kerajaan Thailand mengatakan Vietnam tidak akan menyerang Thailand pada bila-bila masa pun. Saya ingin tahu adakah perjanjian itu secara bertulis atau secara mulut sahaja. Mengapa Kerajaan Soviet Union mengirim perjanjian itu melalui Kerajaan Malaysia? Mengapa kita juga ditarik kepada keadaan yang begitu hangat ini. Adakah kita menjadi spokeman atau menjadi orang tengah? Saya bukanlah menyokong pihak komunis atau yang bukan komunis. Pada fikiran saya lebih baik pendirian Malaysia seperti dahulu iaitu kita berkecuali dalam hal ini. Dalam pada itu juga kita mengambil segala langkah untuk menguatkan pertahanan kita sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi apabila beliau

menjawab Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut iaitu bantuan-bantuan yang diberi oleh Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Thai itu termasuklah bantuan tentera. Saya suka mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia berbuat begitu sebagai anggota ASEAN. Walau bagaimanapun, saya menentang dasar Kerajaan Malaysia yang menyokong sebuah Kerajaan yang telah dijatuhkan seperti di Kampuchea.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang amat sedih lagi ialah kejadian yang berlaku di Kampuchea. Keputusan telah diambil oleh Bangsa-bangsa Bersatu mengenai cadangan yang dibuat oleh negara ASEAN mendesak tentera Vietnam berundur daripada negara Kampuchea. Keputusannya ialah 90 negara mengundi supaya tentera Vietnam mesti berundur, 21 buah negara menentang, 29 negara tidak mengambil bahagian dan 11 buah negara tidak hadir, jumlahnya 152 anggota. Di sini, 91 menyokong, 61 tidak menyokong iaitu 21 menentang, 29 tidak mengundi dan 11 tidak hadir, 61 campur 91 jadi 152. Di sini dengan terangnya kita tahu bagaimana hubungan kerjasama antara satu negara dengan negara yang lain dalam Bangsa-bangsa Bersatu iaitu satu forum antarabangsa yang paling besar dalam dunia.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan mengadakan Bangsa-bangsa Bersatu ialah berjanji menjaga keselamatan antarabangsa dan keamanan dunia (international peace and security). Jikalau keputusan ahli-ahli tidak mahu diterima atau melanggar keputusan Bangsa-bangsa Bersatu apa kena-mengena kita mengadakan satu forum begini besar. Kita mengadakan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, International Court of Justice, Trusteeship Council, Secretariate for Economic and Social Council dan juga lagi 31 specialised agencies. Jikalau sesuatu negara menjadi ahli dalam pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak ingin menerima keputusan, jadi apa kuasanya Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu mempunyai yang tidak boleh memaksa satu-satu negara ikut perintah keputusan Majlis Bangsa-bangsa Bersatu. Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu tidak dapat kuasa mengambil satu tindakan yang sesuai, tidak dapat mengambil satu-satu langkah yang tertentu. Saya faham Bangsa-bangsa Bersatu cuma mempunyai untuk kepentingan Soviet Union atau Amerika Syarikat. Sungguhpun kita ada Majlis Bangsa-bangsa Bersatu dan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu berjuta

rakyat Kampuchea terus mati. Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu tidak boleh menyelamatkan (save) negara Kampuchea ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan amat dukacitanya saya ingin tahu kuatkuasa bagaimana pada masa akan datang keputusan yang telah diambil oleh sebulat suara tidak dapat diterima oleh negara-negara yang menjadi ahli.

Apa yang saya faham, Tuan Yang di-Pertua, hari depan Bangsa-bangsa Bersatu itu tergantung kepada negara-negara yang menjadi ahlinya. Ahli-ahli terpaksa memberi sokongan tergantung kepada ahli-ahli. Ahli-ahli patut memberi kerjasama yang cukup kepada badan Bangsa-bangsa Bersatu tetapi Bangsa-bangsa Bersatu atau Majlis Bangsa-bangsa Bersatu tidak mempunyai kuasa boleh memaksa seperti negara Vietnam itu undur. Selepas keputusan, iaitu 91 negara mengundi, Vietnam terang-terang ada beritahu yang ia tidak akan undur sampai Kerajaan Heng Samrin itu menjadi stabil. Jadi dia telah membuat satu challenge kepada keputusan Bangsa-bangsa Bersatu. Saya suka Yang Berhormat Menteri Luar Negeri memberi penjelasan atas point-point yang saya bawa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga ialah penerangan—TV. Sekarang kita cuma mempunyai dua saluran; satu dalam Bahasa Nasional, satu dalam Bahasa Inggeris atau Rangkaian Pertama dan Rangkaian Kedua. Saya cadangkan supaya pada masa akan datang Kerajaan mengambil perhatian sebolehnya untuk mengadakan satu Rangkaian Nasional dalam Bahasa Malaysia 100% satu rangkaian dalam Bahasa Inggeris 100% dan satu rangkaian dalam Bahasa Cina dan India di mana semua kaum dapat hiburan masing-masing denganukupnya. Pada masa sekarang saya suka menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat peluang untuk menengok hiburan yang mereka suka, mereka dipaksa. Sungguhpun kita telah mencapai kemerdekaan lebih dari 22 tahun dan Malaysia ialah sebuah negara yang amat kaya dalam Asia Tenggara ini patut kita mempunyai tiga saluran; satu saluran dengan sepenuhnya Bahasa Malaysia, sehingga sekarang kita tidak ada satu program cukup 100% dengan Bahasa Kebangsaan, satu dengan Bahasa Inggeris dan satu dengan Bahasa Cina dan India. Saya harap cadangan ini diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya bawa itu ialah kecil-kecil sahaja. Perkara keempat ialah Polis. Apabila seseorang

Pegawai Polis menangkap seseorang yang melakukan apa kesalahan pun, apa pangkat pegawai pun, mata-mata gelap atau mata-mata biasa atau Inspektor atau A.S.P. itu diberi hadiah \$10. Baru-baru ini sebelum saya datang untuk mesyuarat ini, saya diberitahu oleh seorang mata-mata gelap di Pulau Pinang: Yang Berhormat, tolong bawa hal ini, \$10 hadiah jika seseorang mata-mata gelap itu menangkap seorang penyamun atau pecah rumah. Pihak berkenaan patut timbangkan untuk memberi suguhati (award) itu tidak kurang daripada \$100 untuk kerja yang baik, patut kita menggalakkan kepada mereka, bukan \$10, Tuan Yang di-Pertua, lebih baik kita jangan beri. Apabila seorang Polis berpangkat rendah, Mata-mata sampai Sub-Inspector, saya faham dia berpangkat rendah, apabila dia bersara, dia hanya diberi kertas putih jika dibandingkan dengan tentera ada satu buku boleh dilipat, ada gambar, ada bintang-bintang kehormatan, semua hadiah ditulis tetapi apabila seorang anggota Polis bersara cuma kertas, dia tulis nama, nombornya, hadiah \$10, \$5.20, semua itu ada ditulis, Diharap pihak berkenaan mengambil tindakan.

Perkara yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, Operasi Isi Penuh. Sebagaimana kita dengar iaitu 45,000 jawatan kosong dan sebab-sebab ada banyak kelemahan di beberapa Jabatan dan Kementerian oleh sebab tidak cukup pengetahuan, pengalaman, pelajaran di sesuatu Jabatan, sebab itu banyak kerja telah ketinggalan belakang. Bukankah ini satu perkara yang amat dukacita untuk sebuah Kerajaan dikatakan seperti Kerajaan Berjiwa rakyat. Sepertimana tadi kita dengar dalam taklimat yang diberi oleh Yang Berhormat Mulia Tengku iaitu masa akan diambil lebih kurang 10 bulan untuk diisi bagi pegawai-pegawai mengambil tempat kerja—10 bulan masanya. Saya harap Kerajaan akan mengambil langkah seberapa cepat yang boleh untuk mengisikan 45,000 pekerjaan-pekerjaan yang kosong ini. Ini amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya—saya minta maaf jika saya buat apa-apa kesilapan dan saya harap saya tidak akan membuat apa-apa kesilapan—berkenaan dengan bintang-bintang kehormatan atau kurniaan-kurniaan yang diberi kepada ahli-ahli, terutamanya politik dan juga orang-orang awam termasuk juga pegawai-pegawai Kerajaan. Pada masa sekarang perkara ini telah menjadi satu perkara amalan biasa, saya bukan mengkritik, oleh sebab Kerajaan memberi

kurniaan-kurniaan kepada orang-orang Malaysia atau saya cemburu fasal saya tidak diberi kurniaan (*Ketawa*).

Jika dibandingkan dengan England, England juga sebuah negara yang sovereign seperti Malaysia. Penduduknya 70 juta dan Malaysia 13 juta. Setahun sekali lebih kurang 200 orang di England masa hari jadi Queen rakyat British menerima kurniaan dan apabila kurniaan diberi kepada warganegara British tidak boleh disoalkan, tetapi di sini 14 kali dalam setahun oleh sebab kita mempunyai 13 buah negeri dan juga kita mempunyai Yang di-Pertuan Agong, jadi 14 kali kita menerima kurniaan. Sekali lagi saya ingin memberi perhatian dan saya tidak mengkritik, cuma oleh sebab perkara ini begitu serius dan penting, saya suka memberi nasihat atau mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengkaji dan membuat satu sistem baru bagaimana kita dapat memberi kurniaan-kurniaan yang patut diberi dikurangkan sistem ini, dinilai mutu pingat-pingat kurniaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika dibandingkan seorang J.P. semasa penjajahan British yang memberi surat sokongan kepada seorang penganggur untuk mendapatkan kerja atau lain-lain hal, orang itu membawa terus kepada D.O. dan surat itu diberi oleh seorang J.P. semasa penjajah British. Semasa dia membawa surat itu ke Pejabat D.O., orang yang memegang surat ini diberi penghormatan sebab dia kenal J.P., tetapi pada masa sekarang apabila seorang J.P. tempatan memberi surat kepada seseorang yang mempunyai berbagai masalah, surat itu sampai ke tong sampah. Orang itu disuruh balik—saya akan mengambil perhatian. Siapa yang memandang rendah, Tuan Yang di Pertua. Adakah orang Jepun atau orang Amerika atau British kata J.P. itu rendah daripada J.P. British—tidak. Orang Malaysia sendiri kata. Ini amat penting.

Siapa kata kereta yang dibuat di P.J. itu akan goncang dalam tempoh enam bulan jika dibandingkan dengan kereta import dari luar negeri? Kita sendiri. Jadi kita sendiri pandang rendah. Kita mesti mempunyai national pride. Ini amat penting kepada seorang warganegara.

Bila mana sesuatu masa Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri di hari keputeraannya memberi kurniaan, menghargai perjuangan-perjuangan

mereka, tetapi mutunya begitu rendah di pandang oleh rakyat sendiri. Jadi, saya syorkan dengan ikhlas hati untuk membuat satu kajian bagaimana satu cara atau sistem yang baru kita memberi bintang-bintang kurniaan atau kehormatan.

Satu hal berkait dengan perkara ini, saya dengan serius memberitahu bintang kurniaan ini boleh dibeli dengan rasuah.

**Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini hak Raja-raja saya minta tarik balik perkataan itu.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Tuan Yang di-Pertua perintah saya, saya tarik balik.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Janganlah menyentuh banyak perkara ini. Ini adalah hak-mutlak Raja-raja. Saya tidak benar-benar perkara ini disentuh lagi.

**Tuan T. S. Gabriel:** Saya tidak namakan sesiapa . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ini hampir disentuhkan juga.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekali lagi saya memohon Tuhan akan menjadikan negara kita terus maju ke hadapan.

6.04 ptg.

**Tuan Kam Woon Wah:** Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan bagi tahun 1980 adalah baik. Sebenarnya terbaik sekali semenjak merdeka. Pujian patutlah diberi kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan serta rakan-rakan beliau kerana berjaya mengendalikan keadaan ekonomi negara kita. Kita berharap Belanjawan tahun yang akan datang akan bertambah baik.

Malaysia bernasib baik, kerana kurniaan minyak dan saya berharap lebih minyak akan dapat dijumpai lagi. Dalam masa kita menikmati keadaan ekonomi ini kita mestilah mengambil peluang ini bagi mewujudkan kestabilan politik kerana kestabilan politik bergantung kepada kemajuan ekonomi.

Dalam teori jika sesuatu Kerajaan berjaya meninggikan taraf hidup rakyat, Kerajaan akan dipuji. Teori ini diakui oleh pakar-pakar ekonomi sedunia dan juga diakui oleh bekas Shah Iran. Malangnya teori ini mengakibatkan kejatuhan kepada Shah itu. Teori Karl Mark menyatakan ekonomi menentukan politik. Mao Tse Tung mendakwa politik mengatasi ekonomi. Kedua-duanya salah kerana politik dan ekonomi bergantung di antara satu dengan lain.

Sebenarnya, politik dan ekonomi adalah seperti anak kembar yang tidak boleh dipisahkan di antara satu dengan yang lain. Bijaksanalah Kerajaan yang faham iaitu kemajuan ekonomi akan dapat mengadakan suasana politik, akan dapat menyelesaikan keadaan rumit bagi masyarakat rakyatnya. Keadaan ini dari segi masyarakat Malaysia amatlah penting kerana masyarakat kita pada masa ini masih belum lagi bersatu. Rakyat mestilah sedar secepat mungkin kita bersatu, secepat mungkin akan memberi faedah kepada kita.

Sekarang kita menghadapi bahaya serangan dari luar dan kita hendaklah jangan membuang tenaga dan masa dengan perbalahan bagi pihak manakah yang akan mendapat faedah dan berapa banyakkah faedah itu. Kita mestilah menumpukan tenaga di atas perkara yang lebih mustahak untuk penghidupan kita, untuk kemerdekaan dan keaulatan negara kita, bukanlah membincangkan perkara-perkara yang amat kecil.

Pada masa sekarang kita berada di dalam suasana yang tidak begitu senang. Dari itu sepatutnyalah kita tidak harus meneruskan perbalahan di antara kita sendiri.

Kita mestilah merayu kepada semua pihak pelampau di dalam negara ini supaya mereka tidak akan memburukkan keadaan yang ada sekarang kerana Kerajaan kita menghadapi berbagai-bagai kesulitan. Puak pelampau itu sama ada dari segi keturunan ugama atau ideologi akan menghancurkan jasa baik yang wujud di antara berbagai-bagai kaum. Mereka patutlah dicela dengan sewajarnya. Adalah menjadi satu permainan pada masa sekarang bagi mereka membangkitkan perkara-perkara sensitif tetapi mereka patutlah sedar yang perkara-perkara sensitif ini akan menghancurkan kita semua termasuklah mereka sendiri. Mereka tidak membina mendirikan sebuah bangsa yang kukuh dan

makmur tambahan pula di dalam negara Malaysia yang mempunyai berbagai-bagai kaum serta bermacam-macam ugama.

Contoh yang baik sekali misalnya bagi mentadbirkan undang-undang Islam kepada bukan orang Islam. Ini sepatutnya dihentikan kerana kita tidak boleh mencampurkan politik dengan ugama di dalam negara ini. Kita telah melihat akibat percampuran politik dan ugama seperti di Utara Ireland, Iran, Pakistan dan Ethiopia di mana dari setengah-setengah penganjurnya mereka mempergunakan ugama dan mengakibatkan keburukan kepada rakyat mereka. Adakah penganjur-penganjur yang dilantik bertugas untuk rakyat atau untuk mereka sendiri?

Puak pelampau sepatutnya berfikir bagaimana caranya kita mencapai kemerdekaan, bukan melalui perpecahan atau bukan melalui kekuatan di antara satu kaum dari kaum yang lain. Bolehkah kita menafikan di atas kerjasama dari segala kaum? Kepada mereka saya berharap mereka menutup mulut dan berfikir mencari jalan yang baik dan sebaliknya kepada rakyat negara hendaklah menyerahkan pendapat mereka, jika tidak merekalah akan disalahkan jika Kerajaan meluluskan undang-undang terhadap mereka yang tidak faham, tetapi bersungut sahaja. Suarakanlah pendapat bagi faedah negara kita keseluruhannya.

Berhubung dengan kemaraan Vietnam langkah persiapan pertahanan bersama dengan negara-negara lain patutlah diambil, semua rakyat hendaklah berdiri teguh di belakang Kerajaan seperti pencerobohan Sukarno. Domino theory telah terbukti mulai dari kejatuhan Laos dan Kampuchea. Kita tidaklah boleh bergantung dengan cara diplomasi kerana Vietnam tidak percaya diplomasi. Vietnam telah menumpahkan darah dan berkehendakkan lagi. Vietnam telah menolak keputusan Bangsa-bangsa Bersatu dan telah menyatakan tidak akan keluar dari negeri Kampuchea. Dari itu, bersedialah.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Senator Dato' Haji Ibrahim Yaacob.

6.15 ptg.

**Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan sekuatkuatnya menyokong kuat Budget 1980 ini untuk diluluskan dan saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada yang saya kasihi Yang Berhormat Mulia Tengku Tan

Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia dan juga Timbalan-timbalan Menteri serta segala kakitangan yang ada di dalam Kementerian Kewangan sebab saya sudah baca ucapan Yang Berhormat Mulia itu dari satu muka ke satu muka. Saya dan segala rakyat yang ada di Malaysia ini, melainkan parti-parti Pembangkang dan orang-orang yang tidak taat setia sahaja yang tidak suka kepada Budget ini, selain daripada itu semuanya gembira. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat puas hati khasnya di muka 14, perenggan 43 hingga 48 di dalam Ucapan Budget itu.

Perenggan 43 pelepasan cukai perseorangan dari \$2,000 dinaikkan ke \$5,000, begitu juga rebet \$60 dikekalkan. Ini akan melegakan orang-orang yang berpendapatan kecil sebab harga barang-barang makanan dan pakaian masih mahal lagi.

Perenggan 44 pula pelepasan cukai isteri dari \$1,000 dinaikkan ke \$2,000 dan rebet \$30 dikekalkan.

Perenggan 45 pelepasan cukai anak-anak yang belajar di luar negeri, diberi empat kali ganda bantuan, dari dua kali ganda. Ini akan melegakan orang-orang yang mempunyai anak-anak yang belajar di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, muka 18, perenggan 52, tempoh pembayaran pinjaman membeli rumah dinaikkan dari 15 tahun ke 25 tahun, tetapi saya takut bank-bank tidak mahu mengikutinya, melainkan diberi amaran bertulis dari Gabenor Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, di perenggan 56 ada satu perkara yang sangat-sangat menggalakkan iaitu siapa-siapa yang berminat berniaga perkapalan diberi Long-Term Credit Bank dan modal pinjaman \$100 juta dengan membayar faedah cuma 4.5% sahaja setahun. Di mana ada satu negeri di dalam dunia ini yang membuat seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua, muka 26, perenggan 77, saya merayu kepada Kementerian Pelajaran berkenaan dengan buku teks yang sudah digunakan oleh murid-murid selama 3 tahun janganlah dipakai lagi kerana kebanyakan buku-buku itu telah berconteng-conteng dan sudah kotor dan banyak sudah koyak sebab 3 tahun itu sudah cukup lama digunakan oleh murid-murid.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula ke muka 27 perenggan 78, iaitu Kerajaan akan membelanjakan \$237.4 juta untuk membuat rumah-rumah kos rendah, tetapi di negeri-negeri boleh dibuat projek, di Dewan Bandaraya ini, Wilayah Persekutuan saya minta buat banyak rumah-rumah pangsa 4 tingkat kerana tanah di Wilayah Persekutuan sangat terhad. Saya juga merayu sewa rumah pangsa ini jangan terlampau tinggi, sebab pada masa ini yang tinggal di rumah-rumah setingan di sekitar Kuala Lumpur ini ialah 80% bekas-bekas perajurit, ahli-ahli peratuan saya. Kalau dibuat tinggi, mereka banyak anak, susah turun naik. Oleh itu, saya cadangkan dibuat cuma 4 tingkat sahaja dan sewanya jangan lebih dari \$30 sebulan termasuk bayaran lampu dan air.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk ke muka 29, perenggan 82 (a). Saya hairan duti import durian dan nangka dikurangkan sebanyak 50% sebab saya hairan, saya baru mendengar ada orang-orang mengimport durian dan nangka. Sebab di negara kita ini buah-buah durian tak termakan-makan banyaknya apabila musim durian dan begitu juga nangka, tetapi mangga saya bersetuju dikenakan cukai sebab buah mangga sangat kurang di negara kita. Patutnya tidak ada duti durian dan nangka.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut juga bergembira kerana bumiputra akan diberi modal sebanyak \$300 juta pada tahun 1980, peruntukan ini naik \$100 juta dari \$200 juta ke \$300 juta. Tetapi saya hairan masih lagi peniaga-peniaga bumiputra banyak juga yang meleset.

Perenggan 91, muka 32, Kerajaan sedang berusaha sedaya-upaya dengan kerjasama daripada sektor bank untuk menambahkan wang pinjaman kepada bumiputra. Saya harap itu akan dapat dijalankan kerana banyak bumiputra hendak menjalankan perniagaan kecil tetapi tidak dapat pinjaman dari bank.

Kita juga patut bergembira apabila membaca muka 32, perenggan 92, Kerajaan sedang berusaha untuk memindahkan kepada bumiputra milik saham-saham dalam syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan yang telah beroleh kejayaan. Saya berharap ini jangan tinggal di kertas sahaja tetapi hendaklah dipraktikkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk ke muka 35, perenggan 100 untuk memperbesarkan pasukan keselamatan kita. Saya berharap pengambilan tentera-tentera darat, laut dan udara akan dapat dijalankan dengan segera kerana kita tahu pada masa ini musuh-musuh kita sudah dekat dengan negara kita. Kalau kita lambat-lambatkan lagi pengambilan tentera-tentera ini akan membahayakan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Bill 20 tahun 1979, Maksud B. 8—Jabatan Perdana Menteri. Saya dan sekalian ahli-ahli Persatuan Bekas Perajurit Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang saya kasihi, Dato' Hussein Onn dengan arahnya segala Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Wakil-wakil Rakyat, taukeh-taukeh lombong bijih, syarikat-syarikat kelapa sawit dan getah dan kayu-kayan telah menderma kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia di tiap-tiap negeri dalam Malaysia ini sempena dengan rayuan Hari Pahlawan 1979. Maka pungutan yang telah dikutip tidak kurang dari \$1 juta untuk Tabung Rayuan Hari Pahlawan ini dan diharap akan dapat dijalankan pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk Maksud B. 22—Kementerian Wilayah Persekutuan. Ada satu syarikat kerjasama yang dianggotai oleh bumiputra 100%, namanya Koperasi Perumahan Sentul Pasar Kuala Lumpur Tanggongan Berhad. Syarikat ini telah memohon kepada Kementerian Wilayah Persekutuan meminta bantuan supaya jalan, longkang, jambatan dan street lighting dibuat oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya, malangnya rayuan ini tidak dapat diberi. Apa yang saya suka beritahu kepada Kementerian Wilayah Persekutuan ini dan Dewan Bandaraya kerja-kerja syarikat telah terbantut kerana kekurangan wang dan saya merayu kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya sekali lagi akan menimbangkan semula rayuan mereka. Sebab apabila rumah-rumah terdiri di tanah itu 100% orang-orang Melayu akan tinggal di tanah itu dan pentadbiran akan diserahkan kepada Dewan Bandaraya maka Dewan Bandaraya bolehlah memungut assessment apabila segala rumah-rumah itu dikembalikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk Maksud B. 29—Kementerian Pelajaran. Saya merayu kepada Kementerian Pelajaran iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Batu, kampung saya sendiri, patutlah diadakan Tingkatan VI sebab murid Tingkatan V apabila lulus peperiksaan terpaksa pergi ke bandar bersekolah. Ini bukan sahaja membuang masa mereka berjalan ulang alik ke sekolah hari-hari dan banyak belanja tambang bas, kadang-kadang terpaksa memakai dua tiga bas baru sampai ke sekolah. Lagi pun dalam kawasan Kepong, kawasan saya belum ada lagi satu Tingkatan VI, sekolah menengah banyak. Begitu juga Sekolah Kebangsaan Kampung Batu tidak ada padang permainan semenjak saya bersekolah sampai hari ini. Saya merayu supaya Kementerian Pelajaran membuat padang sekolah. Pada masa ini sekolah itu terpaksa meminjam padang di Batu Cantonment jika ada permainan sukan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula Maksud B. 43—Penjara. Baru-baru, ini saya ada melawat Penjara Pudu bersama-sama dengan Menteri Kebajikan Am maka saya dapati di dalam Pudu Jail itu 60% ialah pemuda-pemuda Melayu. Apabila saya bertanya kepada Pengarah Penjara itu apa kesalahan mereka? Jawabnya pick-pocket, mencuri di supermarket—kesalahan kecil-kecil. Maka saya merayu kepada Kerajaan supaya kesalahan yang kecil-kecil ini janganlah dimasukkan ke dalam jel kerana membanyakkan belanja dan memberatkan kerja warden-warden, sepatutnya dihantar ke sekolah budak nakal di Melaka supaya mereka boleh dapat pelajaran yang sesuai dengan mereka. Inilah rayuan saya kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk Maksud B. 40—Jabatan Imigresen. Sungguhpun pada hari ini Jabatan Imigresen ada membuat satu lagi pejabat iaitu Pejabat Pasport Terhad telah dipindahkan ke Wisma Pahlawan, ke pejabat saya sendiri, tetapi di Headquarters masih ramai lagi. Saya mencadangkan satu tempat iaitu di sebelah Ibu Pejabat MARA di Jalan Tuanku Abdul Rahman di tepi jalan dan tempat itu kosong sekarang. Kalau dapat tempat itu dibuat Pejabat Imigresen sungguh molek di tengah-tengah pekan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan berkenaan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Maksud B. 52. Saya berharap kuari-kuari yang ada di Batu Caves itu hendaklah diberhentikan dengan segera jika tidak diberhentikan dengan segera tak lama lagi Batu Caves itu akan runtuh dan penduduk-penduduk di sekitar itu akan mampus semuanya lebih kurang 50,000 penduduk-penduduk yang ada di sekitar Batu Caves itu termasuk rumah anak saya. Sami-sami Hindu tak sanggup lagi bersembahyang di dalam gua itu. Saya berharap kepada Kementerian ini hantar pegawai-pegawai tengok kuari-kuari itu, dengan segera diberhentikan kuari yang ada di situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk Maksud B. 16—Perancang Bandar dan Desa. Saya merayu kepada Kerajaan tolong banyakkkan Timbalan-timbalan Pengarah Perancang Bandar dan Desa. Pada masa ini seorang sahaja, semua dibuat oleh Pengarah Bandar itu. Beliau tidak pernah ada di Kuala Lumpur, sekejap di Sabah, sekejap di Sarawak di merata-rata negeri dalam Malaysia ini. Pengarah Perancang Bandar Kuala Lumpur pula tidak mahu keluar menengok kawasan, kerana saya bercakap begitu ada satu kawasan saya Kg. Station, Kg. Hai Nam, Kg. Tanah Hitam mereka sudah duduk di situ selama 25 tahun, sudah fed up tetapi apabila mereka minta pertolongan, Pengarah Wilayah Persekutuan tidak dapat menjalankannya.

Inilah sahaja ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Bill ini untuk diluluskan.

6.28 ptg.

**Dr Choo Kooi Fook:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Perbekalan 1980.

Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat boleh dikatakan satu Belanjawan yang sangat menggalakkan dalam sejarah negara kita semenjak kita mencapai kemerdekaan. Adalah lebih bermakna dan patut diberi kepercayaan setinggi-tingginya apabila muncul dalam ketika ekonomi kebanyakan negara-negara perindustrian dalam dunia ini sedang menghadapi kemerosotan yang teruk. Dalam keadaan ini Kerajaan kita patut dipuji setinggi-tingginya bagi usaha-usaha ini terutama dalam ketika inflasi masih buruk supaya memberi kelegaan dan mengurangkan bebanan rakyat jelata kita.

Sebenarnya Kerajaan kita adalah sebuah Kerajaan yang benar-benar berkhidmat kepada rakyat. Sungguhpun ekonomi kita tegas dan kuat tetapi kita tidak boleh terlalu berpuas hati (there is no room for complacency) . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh menyambung pada petang hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*